

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 5hb. Ogos, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi dan saya mengucapkan tahniah kepada beliau. Semoga beliau akan dapat memberi sumbangan kepada Dewan ini dan kepada negara kita khususnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

**"HIGH TENSION CABLE" DI ATAS KAWASAN INDUSTRI PERAI -
MASALAH KESELAMATAN**

1. **Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapa terdapat 'high tension cable' merentasi di atas bumbung rumah-rumah, kilang-kilang serta stesyen minyak di kawasan Industri Perai, Pulau Pinang. Tidakkah ini membahayakan keselamatan penghuni setempat.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua aktiviti di bawah kawasan izin lalu talian penghantaran di Semenanjung Malaysia perlu mendapat kelulusan daripada pihak yang berkuasa iaitu Tenaga Nasional Bhd.

Dalam kes kawasan perindustrian Perai, Butterworth seperti Yang Berhormat nyatakan itu, tidak ada bangunan tetap yang didirikan di bawah talian atau rentis kecuali di dua tempat di mana terdapat bangunan sementara yang telah didirikan di antara menara TN15 sehingga TN16 dan TN22 hingga TN23 di talian 132kv Perai-Bidong. Bangunan sementara tersebut juga berada di dalam kawasan rentis dan bukannya di bawah talian.

Terima kasih saya ucapkan ke atas keprihatinan dan perhatian Ahli Yang Berhormat yang ditunjukkan dalam perkara ini.

Puan Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mungkin soalan saya ini tidak berkait dengan soalan yang disoalkan tadi tetapi saya jangka ini ada kait mengait dengan Tenaga Nasional. Saya ingin bertanyakan adalah kerajaan akan mencadangkan supaya Tan Sri

Ani Arope melepaskan ataupun bersara dari jawatannya selepas insiden yang memalukan kerajaan seperti yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat kerana berlakunya kegelapan di seluruh negara baru-baru ini?
[Tepuk]

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bergantung kepada pihak kerajaan untuk mengambil tindakan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat jawapan yang spesifik, yang terperinci, sama ada bahaya atau tidak. Soalannya adakah high tension cable ini merbahaya atau tidak?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, memang bahaya kalau sekiranya aktiviti dan bangunan yang didirikan di bawah talian ini tidak dikawal. Tetapi memandangkan keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada mereka yang menjalankan aktiviti di bawah high tension cable ini, maka pihak TNB dan Jabatan Bekalan Elektrik melalui Akta Bekalan Elektrik memang ada menyediakan guideline supaya dapat menjamin keselamatan bagi mereka yang menjalankan aktiviti di bawah talian high tension ini.

Kalau sekiranya guideline ini dapat diikuti oleh semua, memang keselamatan mereka yang terlibat akan terjamin.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah kerugian keseluruhannya dalam insiden bekalan elektrik terputus baru-baru ini? *[Ketawa]*

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, gangguan bekalan elektrik yang berlaku pada 3hb. Ogos yang lalu ini memang merupakan satu perkara yang tidak diingini dan amat dikesali dan siasatan yang menyeluruh tentang kejadian ini belum disempurnakan lagi dan masih berterusan. Bila siasatan siap dilakukan, terpulanglah kepada kerajaan sama ada hendak mengumumkan laporan ini dan laporan ini memang akan mengandungi tentang kerugian pada keseluruhannya yang dihadapi pada kali ini.

KAD PENGENALAN - JUMLAH YANG BELUM MEMPERBAHARUI

2. Tuan Tan Son Lee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga kini berapa ramai lagi rakyat belum memperbaharui kad pengenalan dan adakah kerajaan bercadang melanjutkan tempoh itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, setakat Jun 1996 seramai 1,375,573 orang masih belum menukar kad pengenalannya kepada kad pengenalan baru. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh penukaran yang akan tamat pada 31 Disember 1996.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa kad-kad pengenalan yang dikeluarkan adalah merupakan kad-kad yang diperbuat daripada plastik yang substandard, dengan izin, kerana kad pengenalan saya contohnya telah lekang plastiknya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang pada satu ketika kualiti plastik pembalut kad pengenalan baru ini mempunyai masalah, akan

tetapi kualiti itu telah diperbaiki dalam satu dua tahun ini. Saya tidak pasti Yang Berhormat tukat bila? Kalau Yang Berhormat dapat kad itu sebelum tahun 1993 mungkin kualiti itu kurang sedikit, tetapi sekarang memang sudah elok, sebab kontrak itu kita telah beri pada syarikat sejak dahulu lagi dan pada masa yang akan datang kerajaan mungkin mengkaji untuk mengadakan kad yang lebih berkualiti tinggi. Selepas exercise ini, kita mesti sempurnakan operasi menukar kad pengenalan ini dahulu baru kita recycle, dengan izin, kualiti yang lebih baik.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa lamakah satu-satu kad pengenalan ini boleh disediakan apabila permohonan itu dibuat, sebab ada orang yang memberitahu saya, ada yang tiga tahun, ada dua tahun dan ada enam bulan. Jadi, yang mana satu tarikh yang sebenarnya kad pengenalan ini boleh disediakan apabila permohonan itu dibuat?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, berapa lamakah satu kad pengenalan tu dapat disediakan? Itu bergantung kepada kategori sesuatu permohonan itu. Kalau sekiranya permohonan itu dikatakan straight forward, dengan izin, tidak ada apa-apa pindaan butiran, dia punya rekod pun semuanya straight forward dan permohonan itu sampai kepada ibu pejabat JPN dalam masa yang singkat. Maka tempohnya antara 6 bulan sehingga 9 bulan terutamanya permohonan di Lembah Klang. Tetapi ada terdapat sebilangan

kecil, bukan banyak sangat - yang dahulu, sebelum kita permudahkan prosedur untuk menukar kad pengenalan ini, memang mereka ada membuat permohonan serentak iaitu permohonan untuk meminda butiran serentak dengan pertukaran kad pengenalan baru. Oleh sebab pindaan butiran itu mengambil masa yang lama terpaksa semak dengan rekod kewarganegaraan, semak dengan rekod kelahiran dan sebagainya. Itu menjadikan faktor yang telah melambatkan pengeluaran kad pengenalan, sampai tiga tahun memang ada, tetapi itu merupakan sebilangan kecil dan baru-baru ini semuanya boleh dikatakan 'current', dengan izin.

PROJEK LEBUH RAYA PANTAI TIMUR - KELEWATAN PEMBINAAN

3. **Puan Kelsom binti Yaacub** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:
- (a) kenapa Projek Lebuh Raya Pantai Timur yang menyambungkan Karak dengan Kuantan masih belum dimulakan; dan
 - (b) bilakah projek ini dijangka akan dimulakan dan syarikat manakah yang berjaya membina Lebuh Raya tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek Lebuh Raya Pantai Timur yang menyambungkan Karak-Kuantan dan juga Kuala Terengganu masih di dalam peringkat rundingan. Projek ini melibatkan pembinaan lebu

raya sepanjang 336 kilometer dan melintasi dua negeri iaitu negeri Terengganu dan negeri Pahang.

Skop kerja yang besar ini memerlukan perancangan dan penyelarasan yang teliti bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat serta Unit Perancang Negeri-negeri yang berkenaan. Rundingan di antara kerajaan dan syarikat-syarikat dijangka akan dapat diselesaikan pada akhir tahun ini.

- (b) Projek Lebuhraya Pantai Timur dijangka akan dilaksanakan awal tahun hadapan sebaik sahaja rundingan kerajaan dengan konsortium selesai dijalankan. Bagi mempercepatkan rundingan bagi penswastan projek ini, kerajaan telah memutuskan rundingan hanya diadakan dengan satu pihak iaitu pihak MMC. Manakala pihak UEM dan MTD akan ditawarkan untuk menyertai penswastan projek ini 6 bulan selepas perjanjian konsesi ditandatangani di antara kerajaan dengan MMC.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan projek ini dianggap akan terlewat mengikut jadual yang ditetapkan dahulu, adakah pihak kerajaan bercadang untuk meluaskan lagi 'partisipasi' ataupun penglibatan terutama syarikat-syarikat kepunyaan negeri-negeri sebelah pantai timur seperti yang pernah disuarakan oleh

Kerajaan Pantai Timur. Mereka juga hendak merasa berkenaan dengan projek penswastan ini dan tidak hanya diberikan kepada pihak-pihak tertentu sahaja yang bermastautin di sebelah barat.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini kerajaan sudahpun berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan iaitu MMC bagi memutuskan berkenaan dengan projek ini. Seperti yang disarankan oleh kerajaan-kerajaan negeri Terengganu dan Pahang supaya syarikat-syarikat negeri-negeri berkenaan dapat peluang untuk melaksanakan projek ini, maknanya mereka bolehlah berunding dengan pihak-pihak konsesi yang berjaya mendapat projek ini.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nama projek itu Lebu Raya Pantai Timur, apakah Kota Bharu atau Kelantan tidak termasuk dan kalau Kelantan itu termasuk dalam pantai Timur, apakah Lebu Raya ini tidak sampai ke Kelantan? Saya mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk Tanah Merah sekalilah? *[Ketawa]*

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang pada kelazimannya perancangan kerajaan untuk melibatkan semua negeri-negeri di Pantai Timur termasuk Kelantan, tetapi pada perancangan peringkat awal, seperti yang telah dinyatakan awal-awal tadi iaitu daripada Karak disambung melalui negeri Pahang melalui Jabor-Ajil sampai ke Chendering. Jadi, setakat

ini dahulu yang dirancangan, manakala penyambungan-penyambungan kemudian akan diteruskan sampai ke negeri Kelantan - itu memang ada dalam perancangan.

Tuan Yim Chee Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui sama ada kerajaan kita berniat mengkaji semula perjanjian di antara kerajaan dengan PLUS kerana mengikut perjanjian itu, setiap 3 tahun pihak PLUS berhak mengkaji semula bayaran tol dan minta kerajaan menambahkan bayaran tol itu. Saya mohon supaya pihak kerajaan akan dapat mengkaji semula tentang perjanjian di antara kerajaan dengan PLUS.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalankah atau rayuan?

Tuan Yim Chee Chong: Soalan dan rayuan. *[Ketawa]*

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan Yang Berhormat itu tadi tidak ada hubung kait dengan urusan Lebuhraya Pantai Timur, tetapi saya suka menjelaskan setakat yang boleh.

Sebenarnya kerajaan telah pun terikat dengan perjanjian yang ditandatangani dengan pihak PLUS pada tahun 1988, di mana kadar kenaikan tol berdasarkan perjanjian konsesi sudah pun termaktub. Maknanya sebarang perubahan kenalah dirundingkan dengan pihak PLUS. Kerajaan tidak boleh membuat keputusan sendiri kerana sebarang keputusan yang dibuat pihak PLUS berhak menuntut sebarang ganti rugi, jika sekiranya akibat dari

keputusan kerajaan yang boleh merugikan pihak PLUS. Jadi, itulah kedudukannya.

Saya rasa Yang Berhormat telah pun mengikuti perkembangan-perkembangan berhubung dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya berhubung dengan kedudukan perkara ini baru-baru ini.

PELABURAN DARI LUAR NEGARA - JUMLAH

4. Tuan Haji Othman bin Yunus minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyakkah pelabur dan pelaburan daripada luar negara yang telah melabur ke negara ini sehingga akhir bulan Jun 1996 dan berapa banyakkah pelabur dan pelaburan yang telah dilabur oleh pelabur dalam negeri ini ke luar negara sehingga akhir bulan Jun 1996.

7hb. Ogos 1996

22. Tuan Low Kai Meng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berhubung dengan kereta keluaran tempatan, berapakah peratusan komponen-komponennya adalah keluaran tempatan dan berapa peratus adalah barangan import. Untuk memastikan perusahaan sektor ini mempunyai daya saingan yang lebih kuat lagi kukuh, bilakah barangan komponen ini 100% buatan Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Low Kai Meng yang perlu dijawab pada 7hb. Ogos 1996, kerana kedua-dua soalan ini menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, tetapi 7hb. Ogos itu soalan nombor berapa?

Tuan Kerk Choo Ting: Iaitu nombor 22.

Tuan Yang di-Pertua: Nombor 22, baik. Silakan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1995 MITI telah meluluskan 898 projek yang melibatkan pelaburan asing berjumlah RM9,143.6 juta. Pencapaian pelaburan asing bagi tahun 1995 menunjukkan sedikit pengurangan berbanding dengan tahun 1994 di mana jumlah pelaburan asing yang diluluskan ialah sebanyak RM11,339.1 juta.

Walau bagaimanapun, pengurangan jumlah pelaburan asing ini adalah merupakan satu perkara biasa kerana ianya bergantung kepada kedudukan ekonomi negara-negara maju yang menjadi punca pelaburan asing serta persaingan hebat di antara ekonomi-ekonomi baru muncul dalam usaha-usaha menarik pelaburan asing ke negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian bagi tahun 1996 pula dijangka lebih menggalakkan. Sebagai contoh, jumlah pelaburan asing yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini ialah RM8,265.4 juta dalam 300 buah projek iaitu kadar pertumbuhan sebanyak 128% jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh yang sama pada tahun 1995 iaitu sebanyak RM3,622.8 juta sahaja dalam 319 projek. Angka

pelaburan asing sehingga akhir Jun tahun 1996 seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Yunus masih belum diperolehi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelaburan oleh warganegara Malaysia di luar negeri pula, adalah sukar untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan muktamad supaya perbandingan yang saksama dapat dibuat dengan jumlah pelaburan asing ke dalam negeri ini. Keadaan ini disebabkan syarikat-syarikat dan individu Malaysia tidak perlu mendapat kelulusan daripada mana-mana agensi kerajaan untuk membuat pelaburan di luar negeri kecuali jika pelaburan di luar negeri tersebut dibiayai oleh pinjaman tempatan atau luar negeri di mana kelulusan Bank Negara Malaysia perlu diperolehi.

Berdasarkan rekod yang ada kepada kementerian kita, jumlah pelaburan Malaysia ke luar negara pada tahun 1995 ialah sebanyak RM6,140.8 juta, angka pelaburan Malaysia di luar negeri sehingga bulan Jun tahun 1996 seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Yunus masih belum diperolehi lagi. Sekianlah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya setakat ini sejauh manakah kerajaan dapat menilai manfaat yang diperolehi oleh rakyat dan juga kerajaan daripada pelaburan luar negara dan berbanding dengan manfaat yang diperolehi oleh pelabur-pelabur dari negara luar itu?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan luar negara ke Malaysia atau pelaburan Malaysia ke luar negara? Kalau boleh saya hendak tahu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sehingga ini sejauh manakah kerajaan dan juga rakyat mendapat manfaat daripada pelaburan daripada luar negara ke dalam negara berbanding dengan manfaat yang diperolehi oleh pelabur-pelabur daripada luar negara?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah terang?

Tuan Kerk Choo Ting: Perkara ini adalah lebih baik jika dibuat satu kajian oleh universiti sebagai satu thesis. Di sini saya cuba menjawab kalau mengikut maklumat yang ada di kementerian kita dalam tahun 1990 hingga sekarang, kita telah menarik pelabur-pelabur dari luar negeri, dalam tahun 1990 ada lebih kurang RM29 bilion, 1991 - RM20 bilion, 1992 - RM19 bilion, 1993 - RM7 bilion, 1994 - RM11 bilion, 1995 - RM9 bilion dan sekarang ini mungkin kita melebihi daripada RM10 bilion pada tahun ini. Ini adalah satu faktor yang menjadikan pertumbuhan ekonomi Malaysia di dalam peringkat 80% hingga 90% pada setiap tahun.

Manfaat yang diberikan kepada Malaysia ini adalah positif. Tetapi, negara-negara atau syarikat-syarikat daripada luar negeri juga mendapat manfaat sebab mereka dapat menghantarkan keluar keuntungan-keuntungan ke luar negeri, ini adalah satu faktor yang paling besar yang menyebabkan kita

kerugian the foreign exchange, inilah salah satu dari empat faktor yang menyebabkan lost of the foreign exchange, sebab wang itu dapat dikeluarkan dan keuntungan itu kembali ke negara-negara itu.

Jadi, kalau kita bandingkan sama ada manfaat kepada Malaysia lebih besar atau kepada negara-negara luar yang besar, pada pandangan kementerian, lebih banyak manfaat kepada negara kita, inilah jawapan saya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mendengar tadi daripada jawapan kementerian bahawa ada penurunan pembinaan industri daripada pelabur-pelabur di negara kita daripada tahun 1994 berbanding dengan tahun 1995. Dalam masa yang sama juga kita dapati ada pelabur-pelabur yang telah menutup kilang-kilang mereka, ada pelabur-pelabur yang telah melarikan diri dengan meninggalkan pekerja-pekerja di negara kita kehilangan punca pendapatan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah kedua-dua perkara yang berlaku ini menunjukkan bahawa di Malaysia ini telah kurang kompetitif bagi pelabur-pelabur untuk melabur dan jika fenomena ini berlaku apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menentukan supaya usaha-usaha kita untuk meningkatkan pelaburan industri di negara ini dapat dikekalkan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi Malaysia sudah mencapai satu tahap di mana the labour intensive industry,

industri yang bertumpuan kepada pekerja-pekerja yang bergaji rendah itu tidak boleh bersaing dengan negara-negara seperti Republik China atau Vietnam, Myanmar atau negara-negara yang belum maju. Oleh sebab itu, industri-industri yang menggunakan tenaga manusia yang lebih banyak itu berpindah daripada Malaysia ke tempat-tempat itu.

Ini bukan satu gejala yang tidak baik, sebab Kerajaan Malaysia telah mencuba menggubal satu dasar supaya industri yang bermodal lebih banyak atau technological intensive atau capital intensive industry dapat melabur di Malaysia untuk menggantikan industri-industri di mana labour intensive itu dikenakan. Ini akan menjadikan Malaysia adalah sebuah negara yang berekonomi lebih berdaya saing lebih baik daripada negara-negara yang mundur itu. Ini bukan satu perkara yang tidak baik. Terima kasih.

PENYELUDUPAN DI SEMPADAN - KESAN

5. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung penyeludupan di sempadan-sempadan negara ini. Nyatakan juga jenis barang yang diseludup dan dari negara mana.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius kesan penyeludupan di sempadan negara kita, bukan sahaja dari sudut kerugian kewangan tetapi dari sudut keselamatan negara, kita dapati penyeludupan diteruskan dengan membawa masuk dadah, senjata api dan lain-lain.

Justeru itu, beberapa langkah tindakan tambahan telah diambil mempersiapkan pasukan keselamatan dan kastam dengan kelengkapan baru dan lebih canggih, meningkatkan rondaan supaya dapat kita mengenal pasti kawasan-kawasan yang lebih terdedah kepada kemungkinan pencerobohan dan juga penyeludupan berlaku. Bot-bot peronda dan kereta yang berprestasi tinggi dengan peralatan moden, alat perhubungan radio dan lain-lain telah di sediakan. Dari konteks peranan ibu pejabat kastam, stesyen-stesyen pencegah kastam di seluruh negara juga diberikan kemudahan yang lebih. Disamping itu, dari sudut lain ialah memastikan agar cukai untuk beberapa barangan tidak terlalu tinggi kerana kalau tinggi relatif kepada cukai di negara-negara jiran, maka ia akan mendorong penyeludupan berlaku. Kita juga telah meningkatkan kerjasama dua hala dengan Singapura, Thailand dan Indonesia dan kerjasama dengan Indonesia dengan negara Thai lebih berkesan kerana kedua-dua negara ini mempunyai masalah di sempadan kerana meningkatkan penyeludupan.

Mengenai soalan berkaitan dengan barang yang diseludup, ia termasuk umumnya barangan bernilai tinggi tanpa mengira sama ada beras atau pun minyak ataupun anak ayam yang dibawa masuk dari Perlis atau Kelantan, tetapi umumnya yang menjadi masalah kepada kita ialah barangan yang bernilai tinggi termasuk kenderaan, minuman keras, barangan elektrik dan elektronik serta alat-alat ganti kereta dan rokok.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri berkoordinasi untuk mengatasi masalah-masalah di sempadan negara?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, umumnya kegiatan, melainkan yang khusus menyentuh soal barangan di bawah ibu pejabat Kastam, kegiatan pengawalan dan pengawasan di sempadan lebih dirujuk kepada pasukan keselamatan termasuk di bawah pengurusan Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, ada jawatankuasa bersama yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan dalam menyelesaikan ataupun menangani permasalahan di sempadan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Amat Berhormat memberi dalam bentuk kuantitatif kesan kepada revenue kerajaan Malaysia dan juga kesan kepada competitiveness industri di dalam negara? Kedua.....

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan tambahan sudahlah.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Sedikit lagi. Jika dapat apakah kesan kepada inflasi dalam negara dari segi penyeludupan keluar seperti ikan, ayam (bukan ayam masuk sahaja, ayam keluar pun ada) dan sebagainya yang menyebabkan inflasi di dalam negara kita?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dari sudut jumlah sebenarnya tidaklah besar. Oleh yang demikian, tidaklah boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan ekonomi negara iaitu dari sudut inflasi. Ini tidak bermakna kita harus memandang ringan. Kesannya tidak dari sudut inflasi, tetapi dari sudut keselamatan sosial dan juga kerugian, umumnya, kepada pendapatan negara. Umpamanya, dari jumlah yang dirampas atau dilucuthak oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada tahun 1995, kerugian yang dialami, kalau tidak dapat dirampas ialah RM25 juta, tetapi ini barangan yang dirampas, barangan yang diseludup kemudian dibeli, itu tidak dapat dipastikan, cuma dibuat jangkaan, tetapi kalau diambil kira kerugian cukai akibat dari kemasukan barang-barang utama yang penting, termasuk rokok dan juga kecurian yang meningkat juga seperti kenderaan yang dibawa lari ke sempadan Thailand, maka kerugian yang dianggarkan oleh kerajaan bagi setiap tahun itu lebih dari RM200 juta. Oleh yang demikian itu, tidaklah boleh dianggap sebagai jumlah yang agak kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan popular nampaknya. Tuan Charern.

Tuan Charern Intachat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ialah agensi kerajaan yang utama yang bertanggungjawab ke atas tugas mencegah penyeludupan. Saya difahamkan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di sempadan akan diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri, di bawah Jabatan Polis Diraja. Adakah

ini bermakna Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, di bawah Kementerian Kewangan tidak mampu dan tidak sanggup menjalankan tugas ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah tidak berbangkit kerana dari awal saya telah tegaskan bahawa urusan penyeludupan ke dalam dan ke luar negara ini melibatkan keselamatan negara, ia melibatkan senjata api, dadah dan lain-lain. Selain daripada itu, tugas di bawah penguasaan Kastam tidak terjejas. Yang diperlukan ialah bentuk kerjasama dan penyelarasan yang lebih berkesan. Apa yang diusulkan ialah tindakan dan langkah yang lebih berkesan, bidang kuasa masing-masing di bawah kementerian dan jabatan berkenaan seperti Kastam, Perikanan, Kementerian Dalam Negeri - itu akan diteruskan dan tidak ada perubahan dari sudut yang dimaksudkan.

REFORMASI PENDIDIKAN - PEMBENTUKAN GENERASI BERIMAN, BERTAKWA DAN BERTATASUSILA

6. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin [Di bawah S.O 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam reformasi pendidikan di negara ini, apakah perancangan yang dilakukan oleh kerajaan dalam membentuk generasi yang beriman, bertakwa dan bertatasuila yang baik.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks kerajaan membentuk generasi yang beriman, bertakwa dan bertatasuila yang baik, pihak Kementerian Pendidikan telah membuat beberapa pembaharuan termasuklah mengadakan Rang Undang-undang Pendidikan yang baru dan meletakkan mata pelajaran

pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras di semua peringkat sekolah. Di samping itu, perubahan kurikulum pendidikan Islam telah juga dilaksanakan dengan memberi beberapa penekanan khusus seperti meningkatkan kemahiran membaca al-Quran serta mengubahsuai strategi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam untuk menjadikannya lebih menarik, relevan dan berkesan.

Kementerian Pendidikan juga telah menstrukturkan semula pengurusan organisasi dengan menubuhkan sebuah jabatan baru iaitu Jabatan Pendidikan Islam dan Moral dengan tujuan untuk memantapkan lagi usaha ke arah membentuk generasi yang berilmu, bertakwa dan berakhlak mulia dengan memberi penekanan kepada pengajaran fardu ain dan pendidikan moral kepada semua pelajar sekolah. Melalui matapelajaran pendidikan Islam, pelajar-pelajar diterapkan dengan asas-asas akidah yang kukuh dan mampu menghadapi pengaruh ideologi yang bercanggah dengan kepentingan negara dan agama rasmi negara ini.

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan mengkaji isu 'emotional intelligent' dengan izin, di dalam perancangan pendidikan untuk menolong murid kita, iaitu generasi baru kita menghadapi perjuangan abad ke-21, emotional intelligent?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam usaha kita untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan serba boleh, soal emosi pelajar-pelajar itu sentiasa diteliti oleh bahagian pembangunan kurikulum dan juga bahagian-bahagian lain yang ada hubung-kait dengan kemajuan dan kecapaian pelajar-pelajar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini kita terbaca di dalam akhbar seorang remaja atapun pelajar yang berumur 14 tahun atau 15

tahun telah didapati dituduh merogol seorang kanak-kanak yang berumur 4 tahun. Apa pandangan kementerian terhadap gejala ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ada kaitankah soalan itu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Langsung tidak ada kaitan. *[Ketawa]*

LORI PERMIT “A” - SYARAT KELULUSAN

7. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah benar kementerian beliau telah meluluskan syarat-syarat lori-lori yang seberat 1 tan (lori kecil) boleh membawa semua jenis barang-barang sewa di seluruh Malaysia sepertimana lori-lori yang mempunyai permit A.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada dua jenis lesen yang dikeluarkan kepada lori yang digunakan sebagai kenderaan perdagangan. Yang pertama dipanggil Lori A, yang kedua Lori C. Lori A dikeluarkan kepada mereka yang ingin membawa barang untuk sewa, dan Lori C pula ialah untuk membawa barang sendiri. Bagi Lori C yang memerlukan lesen adalah cuma kenderaan yang berat dengan muatannya lebih daripada 2,500 kilogram yang kurang dari 2,500 kilogram BDM (berat dengan muatan) tidak memerlukan lesen.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Lori C, mereka boleh bergerak dalam 2 kawasan daripada 4 kawasan dalam Semenanjung, dan Semenanjung dibahagi kepada 4 kawasan. Daripada 4 kawasan tersebut, Lori C bebas bergerak dalam 2 kawasan. Lori A pula iaitu yang mengangkut barang-barang sewa boleh bergerak di seluruh Malaysia tanpa had.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kami, tidak ada Lori A yang diluluskan perमितnya, yang mana berat dengan muatannya kurang daripada 1 tan, iaitu dalam soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan bahawa jika sebuah lori itu hendak digunakan sebagai pengangkutan untuk mengangkut barang-barang sewa, maka lori tersebut perlu dilesenkan di bawah kategori Lori A.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seterusnya pada masa ini kerajaan telah melesenkan 85,971 Lori A, dan 97,458 permit Lori C telah dikeluarkan. Manakala lori-lori yang beroperasi tanpa sebarang permit dan tidak memerlukan permit oleh kerana beratnya kurang daripada 2,500 kilogram berjumlah 273,739.

FILEM TEMPATAN - GALAKAN/BANTUAN

8. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) bilangan filem yang telah dikeluarkan oleh produser tempatan bagi tahun 1990 hingga 1995; dan
- (b) sambutan masyarakat terhadap filem tempatan di segi perolehan, bilangan penonton dan lama tayangan sesebuah filem langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan khususnya FINAS untuk menggalakkan industri filem tempatan.

Setiausaha Parlimen Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 80 filem cereka tempatan telah diterbitkan sepanjang tahun 1990 hingga 1995.

Sambutan masyarakat terhadap filem cereka tempatan adalah menggalakkan berasaskan kepada:

- (a) peningkatan perolehan dari RM2.7 juta pada 1990 kepada RM15.3 juta pada tahun 1995;
- (b) peningkatan bilangan penonton dari 1.4 juta pada tahun 1990 kepada 3.1 juta pada tahun 1995; dan
- (c) peningkatan hari tayangan dari 2,048 hari pada tahun 1990 kepada 4,483 hari pada tahun 1995.

Langkah-langkah kerajaan bagi menggalakkan kemajuan industri filem tempatan antara lain ialah:

- (i) melaksanakan peraturan syarat wajib tayang;
- (ii) memberikan kemudahan produksi;
- (iii) memberikan insentif secara mendapatkan semula duti hiburan;
- (iv) melaksanakan akaun filem buatan Malaysia bagi melindungi penguasaan filem tempatan dan mengecualikan cukai import peralatan filem.

Tuan N. Marimuthu: Bagaimanakah sokongan kerajaan atau kementerian terhadap penerbitan atau pengeluaran drama-drama tempatan dalam bahasa Tamil?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kerajaan tidak memberi apa-apa perbandingan di antara sama ada filem Tamilkah atau filem yang lain. Yang penting ialah mutu, message, inti pati dari segi tayangan filem khususnya drama. Bilamana kita dapati bahawa ada di antara drama-drama tersebut

mengandungi message yang cukup baik, memberi kesedaran, bantuan kepada masyarakat, maka kita gunakan drama-drama tersebut untuk ditayangkan di kaca mata TV.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan sedang ataupun akan mengkaji peranan FINAS untuk memastikan industri filem berkembang maju ataupun apakah FINAS akan diswastakan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kementerian memang mengorak langkah untuk setiap kali kita mengkaji sama ada keberkesanan usaha FINAS untuk membantu industri perfileman di peringkat negara kita, maka satu usaha kita mengkaji sama ada perlu untuk dikorporatkan FINAS ini.

SETEM/WANG POS/SURAT UDARA - KEKURANGAN

9. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakah Pos Malaysia menghadapi kekurangan bekalan setem, wang pos dan surat udara untuk diedarkan ke semua cawangan Pejabat Pos di seluruh negara dan bagaimanakah kementerian mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kekurangan bekalan setem, wang pos dan surat udara yang berlaku dari pertengahan bulan Mei hingga pertengahan Jun, 1996 adalah disebabkan masalah teknikal yang dihadapi oleh pihak pembekal. Kekurangan setem berlaku dalam 2 denominasi dan hanya di beberapa Pejabat Pos sahaja seperti di Johor, Perak dan Wilayah Persekutuan, dan bukan di semua Pejabat Pos. Manakala wang pos pula, kekurangan dalam 3 denominasi sahaja dan itu pun berlaku di beberapa Pejabat Pos juga.

Walau bagaimanapun, kekurangan ini telah pun diatasi dan pihak Pos Malaysia dalam menjangkakan kekurangan tersebut di masa-masa akan datang telah mengambil tindakan untuk menambahkan pencetakan setem dan wang pos tersebut. Sementara itu, kementerian telah mengarahkan Pos Malaysia untuk mewujudkan 'early warning system', dengan izin, bagi mengatasi kekurangan bekalan tersebut di masa-masa yang akan datang.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk membuka kilang percetakan sendiri bagi mengatasi masalah ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bekalan setem, wang pos dan surat udara adalah bergantung kepada Security Printers Malaysia Sdn. Bhd. Yang merupakan pembekal

tunggal pada masa ini. Sungguhpun masalah-masalah teknikal yang saya sebutkan tadi telah pun diatasi oleh Security Printers, bekalannya adalah mantap dan memang memuaskan pada sekarang ini. Tetapi untuk memastikan kekurangan setem, wang pos dan surat udara ini tidak akan berulang lagi, pihak Pos Malaysia Bhd. telah pun mencadangkan supaya mewujudkan syarikat pencetak sendiri melalui 'joint venture', dengan izin, tetapi perkara ini masih dalam peringkat perbincangan oleh pihak Pos Malaysia Bhd.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa kelambatan surat sampai ke tempat seperti misalnya di tempat saya, daripada Kuala Lumpur ke Labis sehingga memakan masa, saya tengok cop setem itu 24hb., tetapi sampai ke tangan atau ke tempat saya 27hb., selama 3 hari?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setelah pihak Pos Malaysia menjalankan satu sistem yang dikenali sebagai sistem pemodenan, dua tahun yang lepas, prestasinya telah pun meningkat ke satu tahap yang begitu memuaskan. Kalau tidak silap saya, mulai 3 hari yang lepas, iaitu 1hb. Ogos ini, kita telah mencapai 96% sampai 98% dalam masa yang ditetapkan untuk pengirim surat dapat diterima oleh pihak yang akan terimanya. Maka saya haraplah dengan sistem ini, segala masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini dapat diatasi.

TABUNG "DANA PEMAKANAN 3F 1994" - - JUMLAH PINJAMAN

10. **Datuk Maidom P. Pansai** minta Menteri Pertanian menyatakan keberkesanan dasarnya untuk menambah bahan makanan menerusi pengwujudan Tabung "Dana Pemakanan 3F 1994". Nyatakan jumlah pinjaman daripada tabung tersebut yang telah dikeluarkan sejak tahun 1994 hingga sekarang dan berikan pecahan angkanya mengikut negeri.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 29hb. Jun 1996 sebanyak RM229 juta telah diluluskan kepada 995 projek di bawah Tabung untuk makanan atau 3F, dengan izin. Projek-projek yang diluluskan meliputi

ternakan haiwan sebanyak RM161 juta, penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran sebanyak RM52 juta, pemerosesan makanan RM32 juta, penangkapan ikan laut dalam RM16 juta, pemeliharaan ikan air tawar dan air laut RM19 juta dan pemasaran dan pengedaran RM8 juta. Pecahan jumlah pinjaman mengikut negeri ialah:

<u>Negeri</u>	<u>Jumlah Pinjaman</u>
Johor	RM59 juta
Selangor	RM33 juta
N.Sembilan	RM33 juta
Pahang	RM32 juta
Perak	RM31 juta
Sarawak	RM28 juta
Kedah	RM20 juta
Sabah	RM19 juta
Melaka	RM14 juta
Pulau Pinang	RM12 juta
Perlis	RM 4 juta
Wilayah Persekutuan	RM 1 juta
Terengganu	RM 1 juta
Kelantan	RM0.9 juta

LANGKAH MENGATASI

11. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) usaha-usaha untuk meyelamatkan kecemaran Bahasa Melayu dari berlarutan seperti dapat dilihat di peti televisyen setiap hari di mana Bahasa Melayu yang boleh difahami oleh orang-orang kampung digantikan dengan perkataan ‘debat’ (bahas); menari (dansa); paket (bungkusan) serta temubual dengan pegawai-pegawai kerajaan golongan perniagaan dan ahli-ahli politik yang mencampuradukkan Bahasa Melayu dengan Bahasa Inggeris; dan
- (b) adakah kementerian akan menganjurkan Bulan Bercakap dan Menulis dalam Bahasa Melayu yang sebenar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan menyedari tentang berlakunya pencemaran dalam penggunaan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu oleh pelbagai pihak. Ini termasuklah pihak media elektronik, media cetak malah khalayak pengguna yang lain termasuk pemimpin-pemimpin masyarakat. Kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa berusaha mengatasi masalah ini. Antara usaha-usaha ini termasuklah kempen penggunaan bahasa yang betul, gerakan cintailah bahasa kita, menubuhkan biro pengaduan bahasa melalui jawatankuasa pelaksanaan penggunaan bahasa kebangsaan, mengadakan gerakan bahasa kebangsaan di sektor swasta dan menerbitkan

buku-buku seperti kamus, panduan tata bahasa, buku panduan dan rujukan penggunaan kata, tempat, ejaan serta menggubal dan mencipta istilah.

- (b) Pihak kerajaan tidak ada satu bulan tertentu untuk berkempen, bercakap dan menulis dalam bahasa Melayu dengan betul. Apa yang dilakukan ialah usaha-usaha berterusan untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dan menggunakannya dengan betul. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dalam Perlembagaan Malaysia, bahasa Melayu telah ditetapkan sebagai bahasa rasmi dan akhir-akhir ini kita dapati terlalu banyak pihak-pihak yang tidak memberi keutamaan kepada bahasa Melayu dalam iklan-iklan dan dalam pelbagai perkara yang digunakan. Apakah pandangan pihak kerajaan terhadap gejala ini dan apakah sikap dan tindakan yang harus dilakukan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada kuasa undang-undang dari segi pelaksanaan itu. Namun demikian, cara kita menguruskan perkara ini ialah, pertama, melalui kerjasama dengan pelbagai pihak baik dalam kerajaan mahupun pihak swasta. Yang kedua, kita mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu dan yang terbaru sekali kita tubuhkan ialah

jawatankuasa pelaksanaan bahasa kebangsaan dan juga jawatankuasa pelaksanaan bahasa kebangsaan di kalangan pihak swasta. Dan kita memang berpendapat langkah dan sikap setengah-setengah pihak tidak memberikan tempat yang wajar baik dari segi penggunaan secara bertulis ataupun secara lisan sebagai satu perkara yang amat dikesali dan kita harap dengan langkah-langkah yang akan diteruskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka seperti untuk melancarkan suatu gerakan untuk menggalakan pihak swasta supaya menggunakan bahasa kebangsaan dengan lebih betul dan tepat terutama sekali di papan-papan tanda dan juga secara urusan pentadbiran akan dilancarkan pada 19hb. akan datang ini dan kita memang menegaskan sikap kita bahawa dari segi ketegasan kita untuk memastikan bahasa kebangsaan dipelajari, diamalkan dan dihormati dengan betul adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk dilaksanakan.

KONTRAKTOR BUMIPUTRA DI SARAWAK DAN SABAH - NILAI KONTRAK YANG DIAGIHKAN

12. **Tuan Janggu Banyang** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan berapa ramaikah kontraktor bumiputra yang berwibawa setakat ini di negeri Sarawak dan Sabah dan berapakah nilai kontrak yang diagihkan kepada mereka yang sedang mereka jalankan pada masa sekarang dan apakah jenis kontrak itu.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 18 kontraktor bumiputra berwibawa di Sarawak, di Sabah ada 15. Pecahan mengikut kelas adalah seperti berikut:

Kelas

Sabah

Sarawak

A	7	4
BX	1	1
C	1	
D	3	
F	2	

Kontraktor berwibawa ini telah diagihkan kontrak berjumlah RM104.4 juta bagi kontraktor-kontraktor di Sarawak dan di Sabah pula nilai kontrak yang telah diagihkan kepada kontraktor berwibawa berjumlah RM76.1 juta. Projek-projek ini adalah projek-projek yang melibatkan bangunan, infrastruktur dan kerja-kerja kejuruteraan awam.

PADANG BESAR, PERLIS - KAWASAN BEBAS CUKAI

13. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan semasa lawatan rasmi Perdana Menteri ke Perlis pada awal tahun 1996, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan akan pertimbangkan permohonan untuk menjadikan Padang Besar kawasan bebas cukai. Sejauh manakah perkembangan perkara tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan baru sahaja menerima permohonan awal daripada Kerajaan Negeri Perlis untuk menubuhkan Padang Besar sebagai kawasan bebas cukai dan kementerian ini sedang meneliti permohonan tersebut selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Hanipah, seorang lagi ya, daripada satu negeri ya. Sila.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang sebutan “yang baru”. Bolehkah pihak Kementerian memaklumkan bilakah tarikh yang tepat dengan tidak menyebutkan “yang

baru” tadi? Bilakah tarikh yang tepat mengenai permohonan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, permohonan ini baru sahaja diterima dan secara spesifik itu saya tidak dapat berikan. Ini maklumat yang saya terima - dua minggu dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Seorang lagi dari sempadan - Tuan Charern. Silakan.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah jenis kawasan bebas cukai yang dipohonkan? Adakah kawasan perindustrian bebas atau kawasan komersil atau kedua-duanya?

Dato' Wong See Wah: Kawasan bebas cukai yang dimaksudkan itu ialah zon bebas di mana adalah memberi kegiatan perdagangan dikomersil secara bebas cukai.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jarang seorang Ahli Yang Berhormat bertanya dua kali Yang Berhormat. Jadi, kalau saya beri kepada Yang Berhormat, lain kali ramai lagi sudah bertanya, bertanya lagi.

TABIKA DI LADANG - JUMLAH

14. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah kelas TASKA/TADIKKA yang dikendalikan oleh KEMAS di ladang-ladang serta menyenaraikan ladang-ladang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kemajuan Masyarakat Kemas, Kementerian Pembangunan Luar Bandar cuma mengendali

program Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) sejak tahun 1970. Perkhidmatan Tabika di ladang bermula pada awal tahun 1993 dan sehingga kini terdapat sebanyak 45 buah Tabika anjuran Kemas yang telah dilaksanakan di ladang dan estet di negara ini.

Mengenai senarai ladang-ladang berkenaan adalah panjang, saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan senarai itu secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Secara bertulis, ya! Baik.

AKTA KOPERASI 1993 - PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN

15. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan perkembangan kedudukan Jabatan Pembangunan Koperasi sebagai Pendaftar Koperasi di seluruh Malaysia sesuai dengan peruntukan di dalam Akta Koperasi 1993. Minta penjelasan kementerian di atas status pendaftaran, kawalan dan seliaan terhadap koperasi-koperasi di bawah jagaan RISDA, FELDA, FELCRA, LPP dan LKIM.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, diizinkan. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan peruntukan di dalam Akta Koperasi 1993, Pendaftar Koperasi mendaftarkan koperasi-koperasi dan memastikan bahawa koperasi-koperasi berfungsi mengikut peruntukan Undang-undang Koperasi di samping menggalakkan dan meningkatkan penubuhan dan pembangunan koperasi dalam semua sektor ekonomi serta membantu koperasi-koperasi meningkatkan kecekapannya.

Jabatan Pembangunan Koperasi sentiasa membantu koperasi meningkatkan pengurusan dengan mengeluarkan panduan utama kepada koperasi dalam bentuk pekeliling dan manual mengenai tatacara pengurusan, pengurusan kewangan dan perakaunan. Klinik-klinik akaun bagi merawat koperasi bermasalah dalam penyenggaraan akaun telah juga diadakan.

Dalam pada itu, aktiviti pendidikan seperti kursus, seminar dan bengkel sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat negeri-negeri iaitu dengan tujuan memberi bimbingan dan latihan kepada anggota-anggota koperasi telah berjalan dengan baik. Penerangan kepada anggota juga ditingkatkan dengan penerbitan risalah-risalah dan majalah-majalah. Selain daripada itu, jabatan telah meluluskan bantuan pembangunan yang meliputi bantuan teknikal, fizikal, koperasi baru dan mengemaskinikan akaun dan bantuan menyediakan mesyuarat agung kepada koperasi seluruh negara yang memerlukannya. Pinjaman modal pusingan juga telah dikeluarkan kepada koperasi-koperasi bagi menjalankan berbagai aktiviti.

Koperasi-koperasi di bawah agensi RISDA, FELDA dan FELCRA adalah di bawah seliaan JPK. Sehingga 30 Jun 1996, terdapat 60 buah koperasi pekebun kecil RISDA, 288 buah koperasi peneroka FELDA dan 121 buah koperasi peneroka FELCRA yang berdaftar dengan JPK. Penyeliaan dan kawalan ke atas koperasi-koperasi ini tertakluk kepada Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan 1995.

Koperasi-koperasi Asas Tani dan Perikanan di Semenanjung Malaysia masing-masing adalah di bawah penyeliaan LPP dan LKIM yang berkuatkuasa dengan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan Koperasi 1995.

DENGGI - LANGKAH PENCEGAHAN

16. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) jumlah kes denggi di seluruh negara dalam tahun 1995 dan 1996 dan berapakah jumlah peratusan peningkatan penyakit ini dan sebab-sebab peningkatan tersebut; dan
- (b) sejauh manakah kempen pencegahan denggi dilaksanakan dan adakah kementerian bercadang untuk menggalakkan isi rumah membuat penyemburan dan adakah kementerian bercadang menguatkuasakan Undang-undang Pembiakan Aedes dengan lebih berkesan lagi dan adakah kementerian mempunyai cukup kakitangan dan mekanisme menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga 13hb. Julai 1996, sebanyak 4,813 kes demam denggi dilaporkan di seluruh negara berbanding dengan 3,101 kes pada tempoh yang sama pada tahun 1995. Ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 5.2% pada tahun 1996.

Sehingga kini 13 kematian akibat demam denggi berdarah dicatatkan di seluruh negara. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan demam denggi pada tahun 1996 ialah:-

- (i) kurang kerjasama dan penyertaan masyarakat dalam usaha-usaha pencegahan dan pengawalan demam denggi;
 - (ii) penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar-bandar dan kehadiran ramai pendatang asing ke negara ini menyebabkan kesesakan dan memudahkan kejadian demam denggi merebak;
 - (iii) wujudnya tempat-tempat pembiakan aedes yang baru dikenal pasti seperti di tapak-tapak pembinaan, tanah perkuburan, tempat pembuangan sampah tidak teratur, tanah terbiar, tanah kosong, rumah kosong dan rumah yang baru siap tetapi belum diduduki;
 - (iv) pesakit demam denggi lewat mendapatkan rawatan menyebabkan penyakit disebarkan kepada orang lain;
 - (v) kes denggi lewat dilaporkan kepada klinik atau hospital kepada pihak berkuasa kesihatan menyebabkan transmisi penyakit berlaku dan lewat diambil tindakan.
- (b) Kementerian Kesihatan akan memberi penekanan yang lebih ke atas usaha-usaha pencegahan dan pengawalan demam

denggi. Di antara aktiviti yang akan diberi penekanan adalah:-

- (i) pemeriksaan ke rumah untuk mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes;
- (ii) memberikan notis amaran kepada penghuni rumah atau premis supaya menghapuskan pembiakan nyamuk aedes;
- (iii) mengenakan kompaun atau tindakan mahkamah kepada penghuni rumah atau premis yang membiakkan nyamuk aedes;
- (iv) mengadakan aktiviti pendidikan kesihatan dan menyampaikan maklumat pencegahan dan pengawalan demam denggi melalui media massa;
- (v) memberikan penekanan kepada keberkesanan pelaksanaan program bebas denggi di sekolah;
- (vi) membuat penyelidikan rapi, aktiviti pengesanan pembiakan aedes di tapak-tapak pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' M. Mahalingam, saya ingat angka yang pertama tadi tidak berapa jelas. Boleh ulangkah tidak? Jumlah.

Dato' M. Mahalingam: Jumlahnya ialah 4,813 kes.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 57 akan dijilid dalam buku berasingan].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (*4hb. Ogos, 1996*)

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang berbahas terakhir? Tidak ada ya? Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba sudah habiskah pada hari Khamis lepas? Sudah habis ataupun belum? Rekod mengatakan sudah habis.

Tuan Rahim bin Baba: Tidak habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak habis ya. Kalau tidak habis, tidak apalah. Saya beri benefit of the doubts kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba. Sila sambung ucapan.

3.38 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk menyambung kembali ucapan yang telah pun ditangguhkan pada minggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Yang di-Pertua: Macam inilah Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, ringkaskan dalam lima minit. Saya rasa pada hari Khamis lepas, seingat saya kalau tidak habis pun, sudah dekat habis benar, sampai waktu.

Tuan Rahim bin Baba: Saya rasa sudah habis. Tetapi kerana Tuan Yang di-Pertua minta juga, saya kena beri peluang kepada orang lain. *[Ketawa]* Kerana saya tahu saya mungkin tidak dapat atau tidak sempat. Itu sebabnya saya habiskan pada hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kerana saya salah meminta Yang Berhormat Tuan Rahim menyambung ucapan, saya benarkan lima minit sahaja.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan di bawah akta ini bahawa KWSP akan melabur dalam dana-dana yang diluluskan oleh pihak kerajaan. Saya ingin mencadangkan supaya KWSP sendiri menubuhkan dananya sendiri. Kerana dengan kepakaran-kepakaran, dengan pengalaman-pengalaman, dengan kewangan yang dimiliki oleh KWSP, saya percaya KWSP boleh menubuhkan dan juga menguruskan dananya sendiri tanpa bergantung kepada dana-dana lain yang ditubuhkan oleh badan-badan yang lain.

Mengikut laporan KWSP tahun 1994, saya dapati mereka yang berumur lebih daripada 55 tahun, yang masih belum mengeluarkan wangnya pun masih ada RM1.57 bilion - yang masih belum dikeluarkan. Wang ini sepatutnya ditransferkan atau dipindahkan kepada dana yang ditubuhkan oleh pihak KWSP yang dicadangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal penama-penama yang sedang atau kaedah yang telah digunakan oleh KWSP pada masa sekarang. Kita tahu biasanya kita mula memberikan penama ini di masa kita

mula-mula berkerja, mungkin 20 tahun atau 30 tahun dahulu, mungkin setengah daripada kita pun sudah lupa siapa penama yang kita berikan. Kerana KWSP tiap-tiap tahun apabila dia menghantar laporan, dia tidak memberitahu kita siapa penamanya melainkan kalau kita sendiri bertanya, maklumlah kadangkala setengah daripada kita tidak mengambil berat sangat.

Saya ingin mencadangkan supaya KWSP juga di samping menghantarkan laporan mengenai berapa lagi jumlah kewangan yang dimiliki oleh seseorang pencarum itu, menghantarkan juga penama-penama yang terdapat di dalam rekod KWSP supaya kalau sorang calon ingin membuat pertukaran ataupun sebagainya. Jadi, di situlah dia boleh memikirkan untuk menukarkan kepada nama-nama yang lebih sesuai dengan keadaan semasa pada ketika itu, kerana apa yang diputuskan 20 tahun atau 30 tahun dahulu mungkin tidak sesuai lagi dengan keadaan pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

3.42 ptg.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kebenaran Tuan Yang di-Pertua, kepada saya untuk berucap tentang Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996.

KWSP merupakan suatu pertubuhan kewangan yang besar dengan mendokong cita-cita murni untuk memenuhi keperluan atau kehendak ahli-ahlinya yang ramai yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, segala perancangan, pengurusan, pertimbangan, keputusan dan tindakan yang diambil dalam penyelenggaraan serta menggunakan wang KWSP dalam sebarang bentuk pelaburan seharusnya diteliti dengan rapi sebelum dilaksanakan.

Pihak yang dilantik untuk mentadbir dan mengurus mestilah merupakan pihak yang benar-benar berkelayakan, berpengalaman dan profesional dalam bidang berkaitan dengan izin, prosonal thinking. Sebarang alasan yang tidak berasas, tidak seharusnya diberikan dalam menggunakan ahli-ahli apabila pelaburan ini gagal.

Sememangnya rakyat melihat dengan tenang dan sabar kesalahan yang dibuat oleh pihak-pihak berkaitan. Ini akan membawa masalah serius kepada kerajaan. Oleh itu, sekali lagi saya meminta pihak-pihak yang terlibat meletakkan kewajipan terhadap ahli-ahlinya sebelum mengambil sebarang tindakan dan keputusan. Di samping itu, saya ingin membawa ke perhatian Kementerian Kewangan tentang beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Berhubung dengan kemudahan perubatan - saya mencadangkan supaya KWSP dapat membantu membelikan peralatan perubatan untuk ahli-ahli yang

memerlukannya. Ini adalah kerana ramai dari ahli-ahli tidak mampu untuk membelikan peralatan itu. Contohnya seperti di dalam hal peralatan physiotherapy yang harus digunakan di rumah sebagai sebahagian daripada rawatan yang disyorkan oleh pakar perubatan. Apakah gunanya wang caruman ini sekiranya tidak dapat digunakan pada masa yang memerlukan?

Saya juga mencadangkan supaya KWSP menubuhkan lebih banyak cawangan ahli-ahli dari jauh pedalaman dapat menggunakan perkhidmatan dengan lebih berkesan. Hanya satu cawangan KWSP untuk keseluruhan daerah adalah tidak mencukupi, ramai daripada ahli-ahli juga mengadu menghadapi masalah dapat mengisi borang-borang maklumat yang diberikan oleh pegawai-pegawai KWSP. Oleh itu saya mencadangkan supaya KWSP dapat memudahkan cara mengisi atau mengadakan kemudahan mengisi borang-borang di pejabat cawangan. Oleh kerana masalah ini, ramai juga ahli-ahli membiarkan wang mereka terbiar di KWSP tanpa dituntut. Terdapat juga ahli-ahli mengadu ada yang kekurangan di antara 3 sen hingga 5 sen dalam perkiraan dividen sebanyak 7.5% pada tahun 1995. Berapakah bilangan ahli yang menghadapi masalah penamaan perkiraan wang ini? Saya minta kementerian memberikan penjelasan mengenai perkara di atas.

Sebagai satu pertubuhan kewangan yang besar, masalah seumpama ini haruslah dielakkan agar nama baik dan kepercayaan terhadap pertubuhan ini dikekalkan.

Akhir kata, saya menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang, tidak apalah Puan Hajah Mastika Junaidah.

3.48 ptg.

Puan Hajah Mastika Juanidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan yang telah pun berjaya membentangkan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996.

Saya percaya rang undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah untuk memperbaiki dan juga untuk meningkatkan perkhidmatan KWSP kepada penjarum-penjarumnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa KWSP adalah merupakan satu institusi yang memberi faedah pesaraan kepada ahli-ahli. Sebagai institusi keselamatan sosial sudah tentu KWSP akan memastikan sistem keselamatan sosial dan juga akan mewujudkan sistem keselamatan yang terbaik di negara ini.

Mengikut bacaan saya simpanan KWSP yang disimpan oleh ahli-ahli telah pun dipecahkan kepada 3 akaun di dalam KWSP iaitu dengan

menggunakan kod ataupun perkiraan 631. Saya difahamkan bahawa akaun 1 adalah 60% daripada simpanan disimpan dalam akaun untuk kegunaan pesara-pesara di hari tua dan 30% daripada simpanan iaitu dalam akaun 2 adalah untuk kegunaan pinjaman perumahan kepada ahli-ahli KWSP. Akaun 3 - 10% adalah merupakan peruntukan untuk rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai akaun 3 - 10% untuk rawatan. Saya mengucapkan tahniah kepada KWSP kerana sekurang-kurangnya KWSP telah mempunyai kesedaran bahawa selain daripada simpanan yang disimpan oleh ahli-ahli kegunaan pesaraan, ahli-ahli juga memerlukan kewangan yang mereka ada dalam KWSP untuk menghadapi masa-masa kecemasan keluarga.

Saya difahamkan bahawa akaun 3 ini adalah untuk kegunaan rawatan dan perubatan, isteri, suami, anak ibu bapa. Tetapi dalam apa yang saya baca tidak termasuk dengan kematian. Jadi, saya berharap pada pihak kementerian kalau dapat akaun 3 - 10% ini dapat juga dipertimbangkan sekiranya ada berlaku kematian ahli-ahli keluarga.

Saya terfikir, bagi mereka yang berpendapatan rendah berapakah agaknya pendapatan ataupun peruntukan yang dapat mereka gunakan dalam mereka menghadapi kecemasan-kecemasan yang berlaku di dalam keluarga mereka? Sudah tentu peruntukan yang ada, yang dapat mereka gunakan bagi

mereka yang berpendapatan rendah adalah terlalu kecil. Saya ingin mencadangkan kepada pihak KWSP selain daripada pekerja-pekerja dapat mengeluarkan kewangan simpanan mereka sebanyak 10%, pihak KWSP menyediakan satu tabung kebajikan kepada ahli-ahli di mana pihak KWSP dapat memikirkan bagaimana pengagihan tabung-tabung ini supaya mereka yang berpendapatan rendah benar-benar dapat menikmati peruntukan yang telah diberikan ataupun yang telah diperuntukkan oleh pihak KWSP.

Saya juga dalam membuat kajian mengenai agihan di antara caruman daripada majikan dan juga caruman daripada penyimpan-penyimpan KWSP, saya terfikir, adakah mencukupi caruman yang ditentukan pada hari ini, walaupun kita melihat peningkatannya telah dibuat kajian oleh pihak kementerian? Mengikut kajian saya caruman pihak majikan dan juga caruman pihak pekerja telah pun meningkat daripada tahun 1990 iaitu kalau dikira dari segi kiraan mata 20 mata pada tahun 1994 kepada 22, di mana pada tahun 1994 pekerja 10% dan majikan 12%.

Dalam keadaan ekonomi negara yang begitu baik, sudah tentu juga perbelanjaan dan kos sara hidup telah meningkat. Adakah pihak kementerian pernah membuat kajian simpanan caruman KWSP untuk hari tua ini memadai bagi mereka yang berpendapatan rendah? Kerana saya pernah mendengar ada rakan-rakan yang membuat pinjaman perumahan melalui peruntukan yang telah pun diberikan oleh pihak KWSP iaitu membuat pinjaman untuk rumah kos

rendah apabila mereka berhenti. Setelah perkiraan dibuat, ada di antara pekerja-pekerja yang terpaksa membayar daripada saraan mereka untuk menampung pinjaman yang mereka pinjam. Ini bererti pinjaman hari tua mereka tidak dapat mereka manfaatkan untuk kegunaan semasa persaraan mereka.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah perkara-perkara ini telah pun diberi perhatian oleh kementerian, adakah nasib pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah ini akan benar-benar dapat menikmati skim yang telah disediakan oleh pihak kerajaan di dalam keadaan ekonomi kita yang begitu baik dan kadar inflasi walaupun 4% tetapi kita faham bahawa barang-barang di pasaran telah pun meningkat harganya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan KWSP yang saya lihat ada beberapa perkara yang meragukan. Pertamanya, majikan yang gagal membayar caruman. Mengikut laporan, majikan yang gagal membayar caruman telah pun meningkat begitu mendadak. Daripada tahun 1988 jumlah majikan yang gagal membayar caruman sebanyak 1,501, caruman berjumlah RM2.7 juta dan ini telah pun meningkat pada tahun 1990 sebanyak 1,933 majikan dan jumlah caruman RM50.9 juta, kenaikan kita dapat lihat dua kali ganda tetapi daripada tahun 1994 ke tahun 1993 kajian yang saya buat menunjukkan bahawa kenaikan majikan yang tidak membayar caruman dua kali ganda. Tetapi pada tahun 1993 majikan yang tidak membayar caruman sebanyak 7,580 caruman

bernilai RM32.3 juta dan tahun 1993 berbanding dengan tahun 1994 majikan yang tidak membayar caruman meningkat sehingga 23,226 bererti tiga kali ganda peningkatan, walaupun dari segi peratusan di antara ramainya majikan dengan majikan yang tidak membayar caruman menurun kepada 10% tetapi bilangan majikan yang tidak membayar caruman meningkat kepada 23,226 dengan caruman RM78.9 juta.

Dari segi dakwaan pula kita melihat bahawa jumlah mereka yang didakwa begitu kecil sekali. Pada tahun 1990 - 1,169, pada tahun 1994 walaupun 23,226 majikan yang tidak membayar caruman kepada pekerja tetapi yang didakwa cuma 2,222. Di sini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak KWSP kekurangan kakitangan di mana kita melihat bahawa peningkatan majikan di negara kita telah meningkat dengan begitu besar, walaupun angka yang saya sebutkan tadi 23,226 adalah merupakan satu angka yang besar, tetapi bila dikaji dengan peningkatan majikan ianya merupakan 10% maknanya peratus telah berkurangan, tetapi bilangannya merupakan satu bilangan yang besar.

Saya tidak menyalahkan pihak KWSP oleh kerana kita tidak tahu, adakah disebabkan KWSP kekurangan pekerja ataupun ada masalah-masalah perundangan yang menyebabkan bilangan mereka yang tidak membayar caruman kepada pekerja-pekerja ini meningkat? Saya tidak tahulah, adakah ini

termasuk buruh asing ataupun angka yang disebutkan ini adalah merupakan angka pekerja-pekerja daripada negara kita?

Begitu juga saya melihat ada tindakan sivil yang diambil oleh persatuan kakitangan lembaga terhadap lembaga di mana caruman majikan telah diberhentikan pembayarannya sejak tahun 1996 bernilai RM6.8 juta. Apabila melihat laporan-laporan yang sebegini dan saya kaitkan, relate, dengan izin, dikaitkan dengan laporan mengenai keahlian, saya merasa ragu, adakah pihak KWSP yang telah pun menerima caruman yang begitu besar menguruskan urusan kewangan yang bernilai berbilion-bilion ringgit dapat melaksanakan pengurusan kewangan ini dengan sebaik-baiknya, kerana daripada laporan keahlian kita dapati dilaporkan bahawa lelaki - 3.8 juta, wanita - 3.1 juta dan tak dikesan -182,273.

Tuan Yang di-Pertua, tak dikesan ini kita tak tahulah, sama ada pondan atau apakah? Jadi, saya rasa ini merupakan satu kelemahan di dalam pentadbiran KWSP yang mana dalam angka-angka tunjuk yang diberikan menimbulkan satu keraguan bagi pihak saya yang mana saya melihatkan bahawa pencarum-pencarum sudah tentu mereka mempunyai rekod-rekod yang up todate mengenai dengan izin, rekod-rekod yang terkini mengenai pencarum-pencarum yang ada di dalam kumpulan simpanan pekerja.

Oleh yang demikian, kita berharap

Tuan Yang di-Pertua: Puan ada sebut apa tadi? Pondan ya?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Agaknyalah, sebab tak dikesan! Seks tak dikesan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kategori pondan di dalam penyumbang KWSP ini?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya tidak tahu yang itu, Tuan Yang di-Pertua, bila disebut bukan lelaki dan bukan perempuan, makanya ada takrif yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Di antara? *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, di antara mungkin!

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat bahawa di dalam pembentangan Akta KWSP ini peruntukan-peruntukan yang dibentangkan adalah ke arah membenarkan KWSP untuk melabur. Saya berpendapat bahawa peluang-peluang untuk melabur di negara kita memang amat terbuka luas dan keadaan ekonomi yang begitu baik, memanglah kena pada tempatnya untuk kita menggalakkan KWSP untuk melabur di dalam bidang-bidang pelaburan yang boleh memberi pulangan kepada pencarum-pencarum.

Kita lihat angka-angka pelaburan di dalam KWSP ini telah meningkat daripada tahun ke tahun. Projek-projek besar di negara kita telah dibiayai oleh KWSP seperti Lapangan Terbang Antarabangsa, lebuh raya, pelabuhan, stesen

janakuasa dan banyak lagi projek-projek yang telah pun di tanggung ataupun dilibatkan diri oleh KWSP di dalam pengendaliannya. Begitu juga dengan pinjaman kerajaan. Ini adalah merupakan satu khidmat secara tidak langsung yang telah pun diberikan oleh penyimpan-penyimpan caruman KWSP kepada negara.

Dalam masa yang sama kita berharap supaya KWSP, disamping melibatkan diri di dalam pelaburan-pelaburan yang telahpun saya sebutkan tadi dan saya rasa banyak lagi pelaburan-pelaburan yang akan dibuat. Kita lihat dalam media massa baru-baru ini disebutkan bahawa KWSP akan ke luar negara untuk mengadakan pelaburan. Ini saya rasa satu pendekatan yang baik, tetapi kita ingin mengingatkan KWSP di dalam kita mencari keuntungan daripada wang caruman yang diberikan oleh penyimpan-penyimpan, kita berharap supaya KWSP juga melaksanakan tanggungjawab sosial. Kalau kita seiring mengingatkan ahli-ahli korporat, badan-badan korporat supaya mereka bukan sahaja bergerak dalam bidang perniagaan untuk mencari keuntungan, tetapi mereka harus menunaikan tanggungjawab sosial mereka, saya rasa KWSP, lebih-lebih lagi mereka harus memikirkan tanggungjawab sosial kepada penyimpan-penyimpan KWSP.

Saya mencadangkan kepada kementerian supaya melihat ruang ini untuk dilaksanakan dengan sehebat-hebatnya oleh KWSP demi untuk pencarum-pencarum yang mana saya kira pencarum-pencarum adalah merupakan

peratusan bilangan penduduk negara yang ramai. Kita berharap KWSP akan mengadakan kursus, seminar dan bengkel kepada majikan-majikan supaya masalah-masalah pembayaran yang tidak dibayar, caruman-caruman dan juga hak-hak pekerja yang tidak dilaksanakan tadi dapat diatasi. Begitu juga, apa yang saya faham KWSP ini, kalau kita lihat logo yang ditulis di bangunan-bangunan KWSP - Simpanan Untuk Masa Tua - saya merasakan wargatua bukan sahaja perlukan kewangan, tetapi wargatua perlukah lebih daripada itu. Kita berharap supaya KWSP juga dapat merangkakan program-program untuk mereka memberi perhatian kepada warga tua, seperti kursus persaraan serta juga sudah tiba masanya saya berpendapat KWSP memikirkan untuk membina rumah warga tua.

Rumah warga tua yang ada di negara kita amat daif. Dalam kita berbangga negara kita sebagai menuju ke era negara maju, negara kita adalah negara yang maju di Asia Tenggara, tetapi kebajikan wargatua, rumah orang-orang tua di negara kita amat menyedihkan. Saya berpendapat kalaulah kita harapkan NGO sahaja yang memainkan peranan sudah tentu peranan ini tidak dapat dilaksanakan sebaik-baiknya, oleh kerana KWSP sekarang ini telah menjadi satu badan korporat secara tidak langsung dan kita berharap supaya keuntungan yang didapati oleh KWSP akan benar-benar dapat dimanfaatkan.

Pihak kementerian harus mengawasi sepenuhnya program-program dan juga projek-projek yang akan dilaksanakan kerana kita juga ada sedikit

kebimbangan. Kita bimbang, mereka yang akan menjadi pemunya ataupun tuan-tuan punya kepada kewangan yang ada di dalam KWSP ini sebenarnya tidak tahu apa yang telah pun dibuat dengan kewangan mereka, di mana dilaburkan.

Ada eksekutif-eksekutif dan pihak-pihak tertentu yang diberi amanah untuk menguruskan kewangan ini supaya kewangan ini dapat dibekalkan volume ataupun nilainya supaya dapat diberi pulangan kepada semua pihak. Kita harus menentukan supaya janganlah mereka yang menyimpan di dalam simpanan KWSP ini cuma nanti melihat sahaja pembangunan-pembangunan yang dapat dilaksanakan, sedangkan manfaatnya diambil ataupun dikaut oleh orang tengah.

Jadi, kita berharap supaya pengagihan nikmat yang kita dapati daripada usaha-usaha penglibatan di dalam swasta dan juga di dalam bidang-bidang perniagaan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dan dapat memberi pulangan yang adil kepada rakyat di negara kita. Oleh itu, saya sekali lagi menyarankan kepada pihak kementerian supaya tanggungjawab sosial KWSP ini harus dipertingkatkan sesuai dengan institusi dan juga peranan KWSP itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang akhir yang ingin saya sebutkan di sini, sebagaimana yang saya katakan tadi, pesara-pesara, warga-warga tua, mereka bukan sahaja memerlukan kewangan untuk menyara hidup

mereka, mereka kadang-kadang menghadapi masalah kesihatan dan sebagainya. Mungkin kalau kita sendiri sudah menjadi warga tua pun kita tidak segarah hari ini. Oleh itu, mungkin KWSP dapat memikirkan untuk mengadakan tempat-tempat riadah untuk pesara-pesara. Kalau sekarang ini kita ada taman bunga, tempat rekreasi, tempat muda-mudi berlari di tepi kolam, sungai dan sebagainya - mungkin tidak sesuai dengan warga tua. Tambahan, sakit agaknya mata mereka hendak melihat aktiviti di sekeliling yang sudah tidak lagi sesuai dengan umur mereka.

Saya dapat tahu bahawa pihak PERKIM di Wilayah Persekutuan ini ada mewujudkan satu tempat untuk kemudahan pesara-pesara yang mendapat sambutan yang begitu baik daripada pesara-pesara. Tetapi sebagai badan NGO sudah tentu PERKIM yang sentiasa meminta bantuan ke sana sini untuk menjalankan aktiviti tidak dapat mengadakan kemudahan ini dengan sebaik-baiknya. Saya berpendapat supaya pihak KWSP dapat meneroka bidang-bidang ini untuk meletakkan negara kita sebagai sebuah negara yang maju dan dalam masa yang sama kita dapat memberikan suasana yang harmoni dan suasana yang sebaik-baiknya kepada seluruh rakyat Malaysia, tidak kira bangsa, umur dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya juga turut menyokong Rang Undang-undang KWSP, 1996. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas wanita, saya beri kepada pemuda lebih umur sebelum diberi kepada warga tua. Datuk Haji Ibrahim, silakan.

4.08 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak hendak bercakap, cuma bangun bercakap ini kerana rasa ada sedikit tanggungjawab untuk memberi pandangan dan bertanya beberapa soalan, walaupun pandangan-pandangan saya ini mungkin tidak akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua: Mana tahu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sebab, saya dok tengok dan merujuk kepada yang dahulu, apa saya bercakap itu tidak banyak, cuma setakat bercakap untuk tanggungjawab, tetapi kalau diambil kira saya ucapkan terima kasihlah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Rahim Baba tadi dan juga yang disebutkan oleh Puan Mastika bersabit dengan pelaburan yang dibuat oleh KWSP.

Pertamanya saya hendak minta adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang saya percaya akan menjawab nanti mempunyai senarai jumlah pelaburan yang dibuat oleh KWSP setakat ini dalam mana-mana syarikat dan dalam mana-mana projek termasuk mega project.

Saya menyebutkan perkara ini bukan sahaja penekanan yang dibuat oleh rakan-rakan tadi supaya segala pelaburan yang dibuat oleh KWSP ini menjadi keuntungan bagi menjamin pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja, tetapi jangan sekali-kali diperlihatkan bahawa KWSP ini dipergunakan oleh mana-mana pihak untuk mendapat dana (modal) untuk menjalankan projek-proejk tertentu, kerana KWSP ini secara tidak langsung ianya juga sebagai institusi kewangan dan hari ini kita benarkan KWSP berniaga, sampai hendak melabur di luar negeri.

Saya ingin mencadangkan supaya KWSP boleh melakukan pelaburan secara direct, malah mengambil bahagian dalam projek-projek penswastaaan. Saya tengok tidak manis kalau KWSP ada melabur 5% atau 10% dalam projek-projek tertentu, manakala dalam KWSP kita tengok, berapa ramai jumlah ahlinya, boleh dikatakan kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta semua mencarum di dalam KWSP - jumlah ahli itu berapa ramai? Yang sebahagian besarnya rakyat negara kita. Kenapa tidak, kalau tidak boleh melabur dalam projek penswastaaan, saya mencadangkan Bank Bumiputera diswastakan kenapa tidak diberi kepada KWSP? Bank Simpanan Nasional, kenapa tidak diberi kepada KWSP dan kenapa Permodalan Nasional Berhad, memang diberi, tetapi tidak diberi saham-saham yang boleh menguasai projek-projek tertentu yang sudah terjamin keuntungannya?

Saya cadangkan macam Bank Bumiputra, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian, sekurang-kurangnya controlling 51% ke 61%. Lebih 40% itu bahagilah kepada yang lain, 5%, 5%. Janganlah pula di sebaliknya saya lihat sekarang ini orang ini dapat 50%, 60%, lepas itu tak ada duit, cari KWSP atas dasar 'national interest' minta diberi 5%,10% - apa hal ini? Kita tengok bagaimana rakyat mendapat faedah kalau KWSP boleh melangkah sampai ke peringkat itu. KWSP boleh mengendali kalau dia boleh mengendali pencaruman simpanan pekerja sampai ribu juta ringgit sekarang

ini. Takkan tidak boleh adakan sebuah bank, dok simpan duit merata sahaja dengan bank-bank yang lain? Bank-bank lain kalau hendak berniaga cari sendirilah. Kalau dapat projek penswastaan, mega project, lepas itu pergi cari duit dengan kerajaan, kerajaan beri pinjam, KWSP beri duit. Beri, siapa pun boleh buat! Cari sendirilah 'at your own risk'. Ini duit simpanan pekerja.

Sebab itu, saya cadangkan sepatutnya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sudah jadi macam PNB, another PNB. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi PNB. PNB ini mewakili pelabur-pelabur Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham MARA. Dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berapa ramai jumlah yang dinikmati oleh semua rakyat, 'controlling interest'. Saya hendak bertanya dalam projek mega, berapa banyak KWSP ada melabur dalam mega projek? Kalau untung tak mengapalah, risikonya tinggi, kerajaan pun boleh tanggung. Tetapi saya hendak bertanya, adakah KWSP mempunyai saham dalam Project Kuala Lumpur International Airport (KLIA)? Yang saya dengar Menteri Kerja Raya jawab, insya-Allah, semua dalam baik, sempurna mengikut jadual. Saya difahamkan KLIA sudah 'behind scheduled' lebih kurang 6 bulan, betulkah atau tidak? Berapa banyak 'cost overrun' nanti. Kalau projek ini delay 6 bulan dengan cost overrun, maka hendak kejar masa sebelum Komanwel Games, berapa banyak cost overrun. Kalau KWSP melabur dalam projek-projek seumpama ini, bayangkanlah. Ini saya bangkit kemungkinan KWSP tidak ada saham dalam KLIA. Saya takut jadi macam itu.

Maknanya, KWSP melabur dalam 'assured project'. Saya suka bangkitkan oleh kerana ia sudah jadi institusi kewangan secara tak langsung, dia sepatutnya melibatkan dalam pelaburan, dalam soal financing. Katalah kalau dia ada bank, diberi bank, kalau ambil alih Bank Bumiputra, secara tak langsung dia ada 'finance company'. Jadi, ahli-ahli KWSP kalau hendak dapat pinjaman kereta, ada finance company di bawah KWSP, hendak pinjam rumah boleh pinjam di situ, mudah sahaja. Saya bukan pakar ekonomi, tetapi lebih kurang profesor, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak pakar, tetapi profesor.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tetapi Timbalan Menteri Penerangan lagi hebat. Saya bukan orang ekonomi, tetapi 'street fighter'. Street fighter dia lihat berasaskan pengamatan, pengalaman. Tetapi bila saya bercakap, kadang-kadang orang tak berapa sedap dengar. Bila orang tak sedap dengar, mulalah orang buat cerita Ibrahim Ali itu bercakap kerana itulah, kerana inilah, kerana itulah, kerana

inilah, sebab depa sakit telinga. Jadi, buatlah macam-macam alasan. Benda-benda yang kecil-kecil hal saya, mungkin yang ada lekat-lekat kudis sedikit, yang itulah dibesarkan. Tetapi yang kita bercakap ini depa buat tak tahu. Kita bercakap point yang besar-besar, kadang-kadang benda-benda yang remeh-temeh kita heboh sangat. Ini yang rugi beratus-ratus juta, ini yang kita bimbang.

Saya bercakap perkara ini sebab ini KWSP, simpanan untuk hari tua. Ramai sudah bercakap, saya tidak hendak ulang perkara yang telah dibangkitkan. Walaupun kelonggaran dibuat bagi memudahkan pencarum dapat keluar pinjaman untuk beli rumah atau beli kereta, tetapi syarat-syaratnya tidak mudah. Malah apa yang dikata, tadi disebut tanggungjawab sosial, sepatutnya KWSP ada program khas, juga seperti lain-lain kementerian. Projek untuk rakyat termiskin - untuk ahli-ahli sahaja. Sepatutnya sekarang sudah ada komputer, KWSP sudah ada dasarnya, pencarum-pencarum yang kecil-kecil sudah ada, tekan sahaja butang, yang miskin, Fauzi Rahman daripada Kelantan, contoh begitu. Tekan satu lagi, yang kaya tak payah tolong, Rahim Baba, contohnya. *[Ketawa]* Sebab Gula Perak, yakah?. Jadi, dia ada.....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Ibrahim Ali masuk dalam kategori mana?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tengah-tengah.

Tuan Yang di-Pertua: Miskin tidak, kaya pun tidak!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Miskin tidak, kaya pun tidak, baru-baru cukup makan.

[Ketawa] Jadi, maksudnya, sekurang-kurangnya dia tahu latar belakang. Sekarang kemudahan banyak. Kemudahan komputer, Internet cukup banyak. 'They must have the record'. Tak ada sebab, rekod keluarga, peribadi semua ada. Tak payah isi-isi borang, tekan nombor ahli sahaja.....prrrr, keluar memang orang ini layak. Malah sampai ke peringkat pegawai KSP turun ke padang bertemu ahli-ahli yang susah bertanya, 'what can I help?'. Macam mana saya boleh tolong, hendak pinjaman atau tidak? Jangan pula orang-orang kampung daripada Kelantan, yang sudah pencen, yang sudah berhenti kerja 5 - 10 tahun dahulu datang ke KL naik bas hendak cari Pejabat KWSP, hendak isi borang pun tak boleh. Selepas itu, hendak tunggu pula dua, tiga, empat bulan. Kalau tak boleh, bagi saya jadi pengerusi KWSP, tengok saya buat. *[Ketawa]* Saya bergurau sahajalah. Saya, usahkan hendak lantik, yang ada pun mereka hendak cabut. *[Ketawa]* Usahkan hendak tambah yang baru. Betul!

Saya bercakap tidak ada 'inferiority complex'. Dalam diri saya tak pernah demikian. Orang yang pernah mengharungi segala dugaan, marilah apa bala pun saya tidak menjadi masalah, insya-Allah, saya boleh hadapi dengan penuh yakin. Sebab kita manusia ini kita kenal diri kita 'how good and how bad we are', betulkah? Jadi, saya balik kepada KWSP, saya mintalah kalau boleh, penswastaaan bank-bank yang akan datang dipertimbangkan pada KWSP, biar KWSP control wang yang diletakkan di situ, kemudian dia boleh rancangkan. Dalam mega-mega projek, saya cadangkan supaya KWSP jangan masuk campur, kerana ada baiknya dan ada tak baiknya. Untung mungkin besar, tetapi rugi pun besar, 'so it is dangerous'. Saya rasa lebih dalam bidang-bidang kewangan yang dibuat bersama.

Jadi, itu sahajalah. Kalau ada tersilap, saya minta maaf, saya bercakap dari hati yang baik. Saya sebut-sebut nama Tuan Rahim tadi memang macam adik beradiklah dengan saya. Tetapi oleh kerana saya sudah sebut tadi, Timbalan Menteri Kewangan dan Dato' Fauzi, insya-Allah bahagian Pasir Mas sebelah don't worry. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Majid.

4.18 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peluang dalam perbincangan bagi meluluskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996. Saya ada terbaca dalam akhbar bahawa KWSP bercadang untuk melabur wang perniagaannya ke luar negeri. Maknanya luar daripada negara kita. Jadi, bagi pandangan saya, sebelum kita melabur ke luar negeri, KWSP mesti mengkaji seberapa dalam dan hemat supaya manakala kita melabur di luar negeri, belum tentu lagi kita boleh untung. Sedangkan kita ada banyak pelaburan, perniagaan, perdagangan yang kita boleh berniaga, kita boleh laburkan dalam negeri kita. Kalau rugi kita berniaga di luar negeri, mungkin akan menjejaskan wang-wang simpanan daripada pekerja-pekerja kita yang banyak menyimpan, apa akan jadi nanti? Jadi, harapan kami supaya mengkaji lebih dalam lagi sebelum pergi ke luar negeri untuk melabur dalam bidang perniagaan.

Saya teringatlah bahawa supaya kerajaan mengkaji pencaruman kewangan ini satu jenis pencaruman lagi yang patut kita buat, iaitu saya tujukan kepada umat Islam misalnya bagi membantu pembangunan Islam, bagi membina mesjid, membina madrasah, membina surau dan sebagainya.

Maksud saya supaya umat Islam yang pekerja dengan kerajaan ataupun swasta boleh membuat satu caruman iaitu memotong gajinya sekurang-kurangnya RM2.00 pada tiap-tiap seorang atau lebih, bagi mengumpul wang itu seberapa banyak yang boleh. Ini membantu kerajaan, membantu pembangunan. Kita tidak payah meminta peruntukan pembangunan untuk mendirikan mesjid dan surau ataupun kita gunakan wang daripada kutipan caruman bulanan ini daripada umat Islam. Kita boleh, saya rasa pungut berjuta-juta, bermilion-milion. Sudah sampai masanya kita tidak jadi orang yang meminta-minta sahaja.

Kita undang-undangkan untuk pungut wang daripada umat Islam yang pekerja dengan kerajaan dan yang pekerja dengan swasta. Saya rasa umat Islam ini rela untuk dipotong kewangan mereka. Maksud saya supaya kerajaan mengkaji suatu jenis pencaruman. Sebagaimana kita tahu di negara jiran kita, Singapura membangunkan Islam, membangunkan masjid, membangunkan madrasah, membangunkan sekolah agama dan surau tidak lagi ada bantuan daripada kerajaan. Mereka membina dengan kutipan umat Islam sendiri. Sedangkan kalau kita hendak fikirkan umat Islam dalam negara kita bukanlah sedikit, bukan umat Melayu sahaja yang Islam, tetapi termasuk orang Cina Islam dan sebagainya. Dan ramai sekarang jutawan-jutawan kita yang datang daripada orang Islam iaitu orang Melayu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberikan pandangan dan merupakan cadangan supaya kerajaan membuat suatu kajian bagi mengadakan suatu jenis pencaruman umat Islam, memotong pendapatannya pada setiap bulan untuk membantu membangunkan Islam.

Kita bangga kalau kita dapat jayakan peruntukan yang serupa ini, jadi diundang-undangkan bagaimana kita mencarum dalam KWSP. Manakala wang ini banyak, kita juga boleh membuatkan perniagaan, perdagangan dan sebagainya. Kalau hendak dikajikan wang-wang Islam ini peruntukan umat Islam daripada Baitulmalnya, tanah-tanah wakaf, banyak! Bukan juta, bahkan milion! Tetapi belum diuruskan dengan betul lagi. Jadi, harapan saya supaya kerajaan kita dapat mengkaji, membuat satu jenis caruman kepada umat Islam

sekurang-kurangnya yang makan gaji RM2 sebulan. Kita dapat kumpulkan, kita bangga kita boleh buat, kita bangga umat Islam boleh buat sebagaimana saudara jiran kita di Singapura boleh buat, Insya Allah!

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak lompat sedikit berhubung perkara yang ketiga iaitu menyentuh Undang-Undang Lembaga Getah.

Tuan Yang di-Pertua: Eh, tidak sampai lagi sekarang.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Belum sampai?

Tuan Yang di-Pertua: Belum sampai.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Belum sampai. Jadi, saya ada banyak modal berhubung dengan Undang-Undang Getah ini. Jadi,....

Tuan Yang di-Pertua: Bila sampai nanti bolehlah bercakap.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Ya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik semula dengan pencaruman KWSP ini, saya mengharapkan supaya sebelum kita melangkah ke luar negara, sebelum kita melaburkan wang KWSP ini, wang orang ramai, wang buruh, wang pekerja kita ke luar negara, kita laburkan dulu di dalam negara kita dan buatlah kajian yang sedalamnya untuk menyelamatkan wang ini supaya tidak terjejas pencaruman dari pekerja-pekerja kita. Dan saya tegaskan sekali lagi harapan saya supaya kerajaan membuat kajian supaya ada satu jenis pencaruman yang saya sebutkan tadi yang terdiri daripada umat Islam untuk potongan gajinya pada tiap-tiap bulan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.
Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Puan Kamilia.

4.27 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Banyak telah diperkatakan dan saya hanya cuba hendak menekankan tentang peruntukan KWSP iaitu matlamat dan falsafahnya ialah untuk memberikan kebajikan untuk hari tua kepada pencarum iaitu wang yang disimpan untuk kebajikan seseorang pencarum itu apabila dia telah tua dan juga bukan hanya pada dirinya tetapi juga untuk ahli keluarganya. Jadi, jikalau dia meninggal dunia, ini bermakna ahli keluarganya juga akan mendapat manfaat daripada simpanannya. Jadi, apa yang menarik perhatian saya ialah mengenai penama yang juga telah disebutkan oleh Senator Rahim bin Baba tadi tetapi ini juga telah diputuskan di Mahkamah Tinggi dalam kes How Yu Hock sebagai wasi Yeoh Siu Tu @ Choo Siew Toh melawan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Julai 1996 di mana takrif nominee, dengan izin, diputuskan oleh mahkamah bahawa jikalau penama itu telah dibuat mengikut peruntukan Akta KWSP 1959 mengikut Peraturan 9, maka ianya merupakan penama statut yang sah. Maka, dalam kes ini kakak kepada pencarum yang telah dinamakan sebagai penama dan telah diputuskan oleh pihak mahkamah bahawa yang berhak untuk mendapat simpanan itu ialah kakaknya. Jadi, perkara ini telah dibawa oleh isteri dan anak-anak pencarum

dan mereka telah gagal untuk mendapat wang simpanan yang telah disimpan oleh pencarum.

Jadi, ini kalau kita lihat dari segi falsafah KWSP itu, ianya tidak dapat memberi satu keadilan kepada mereka yang sepatutnya dapat menikmati simpanan daripada ketua keluarga. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji semula tentang fakta penama ini kerana saya juga difahamkan bahawa tidak ada lagi apa-apa fatwa bagi orang-orang Islam sama ada seseorang penama itu adalah merupakan seorang yang sepatutnya mendapat faedah daripada wang simpanan jikalau pencarum telah meninggal dunia kerana kita juga tahu dalam Undang-undang Islam, kita boleh tertakluk kepada faraid tetapi kita masih mungkin akan perlu juga tertakluk kepada undang-undang yang telah diputuskan oleh Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia, minta berhenti sebentar ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peraturan yang relevan, saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan Puan Kamilia.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan yang keduanya ialah tentang Tabung Simpanan ini yang mana kita tahu juga pihak KWSP juga telah membenarkan pencarum mengeluarkan wang daripada simpanan sama ada untuk membeli rumah dan juga untuk perubatan. Jadi, saya

juga merasakan bahawa walaupun kita tahu wang itu diperlukan dan konsepnya ialah untuk kebajikan semasa tua, mungkin pihak KWSP atau pihak kerajaan dapat juga memikirkan satu cara bagaimana wang yang dikeluarkan itu dapat ditambah balik, sama ada mungkin anak-anak kepada pencarum itu apabila telah bekerja boleh menambah kepada simpanan pencarum itu sendiri.

Saya juga berpendapat bahawa wang simpanan pencarum yang dikeluarkan apabila telah sampai masanya pihak pencarum dapat mengeluarkan wang itu, iaitu ianya akan mendapat sekaligus, mungkin pihak kerajaan dapat memikirkan wang itu dibayar secara bagaimana seorang pencen akan mendapat bayaran pencennya kerana ini mungkin akan dapat menjaga kebajikan pencarum itu sendiri, bukan kita memikirkan KWSP atau kerajaan dapat menyimpan wang seterusnya tetapi kerana konsep dan falsafah simpanan wang itu adalah untuk menjaga keperluan seseorang itu terutamanya bila ianya telah tua.

Yang ketiga ialah dari segi pelaburan yang juga telah dibentangkan iaitu membenarkan individu ataupun pencarum untuk melabur. Ini juga saya berpendapat mungkin akan membukakan pelaburan yang akan menimbulkan risiko. Apa yang telah diterangkan di dalam pembentangan rang undang-undang ini, perlunya ada satu Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan oleh menteri. Walau bagaimanapun, saya inginlah mencadangkan dan seterusnya saya percaya kementerian telahpun memikirkannya, menekan tentang

mekanisme untuk mengawal pelaburan wang pencarum ini kerana kita tahu kita perlu sentiasa dipandu oleh falsafah KWSP. Ianya bukanlah hanya untuk kita memikirkan bahawa pencarum itu akan menambah pendapatannya tetapi juga perlu difikirkan bahawa wang yang disimpan itu perlu ada setakat mana yang telah disimpan. Cuma, jikalau wang itu dapat ditambah, ianya merupakan bonus kepada simpanan yang berkenaan.

Juga saya berpendapat jikalau ada pun peruntukan ini, kita akan dapati bahawa wujudnya satu perbezaan satu atau dua kumpulan yang akan mendapat manfaat yang berbeza daripada peruntukan ini. Jadi, mungkin pihak KWSP dapat memikirkan bagaimana perbezaan ini tidak akan menjadi begitu ketara. Kerana kita tahu bahawa adalah menjadi matlamat kita juga untuk pihak-pihak yang mencarum itu tidak akan merasa tidak puashati kerana ada kumpulan yang dapat lebih mungkin daripada simpanan yang dibuat dan satu pihak lagi tidak mendapat dividen ataupun pendapatan atau pulangan yang sewajarnya.

Dalam aspek ini, saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali tadi, bahawa perlunya KWSP juga diberi kesempatan untuk melabur dalam pelaburan-pelaburan (investments) yang lebih selamat dan lebih memberi pulangan yang lebih tinggi dan KWSP perlulah juga dilihat sebagai satu institusi kewangan yang mempunyai tanggungjawab sosial kepada kebajikan pencarum-pencarumnya.

Kerana apa yang saya juga difahamkan bahawa majoriti pencarum KWSP adalah mereka yang mendapat pendapatan yang rendah.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya juga ingin mencadangkan satu kajian dan penyelidikan dibuat di KWSP untuk melihat kepada konsep dan falsafah KWSP yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada orang ramai terutamanya semasa mereka telah tua dan tidak berkeupayaan untuk bekerja, jika dapat dilihat dalam konteks prinsip-prinsip Islam. Kita tahu Islam adalah cara hidup yang mana salah satu daripada perkara yang selalu ditekankan dalam Islam ialah bagaimana kita perlu melihat kepada mereka yang telah berusia dan bagaimanakah prinsip-prinsip Islam itu dapat dijadikan satu struktur atau mekanisme untuk dapat memberikan satu sistem yang dapat lebih menjamin kebajikan sosial yang lebih adil dan saksama?

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Pihak kementerian diminta menjawab.

4.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada enam orang sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Tuan Rahim bin Baba, Tuan Haji Abdul Majid, Puan Mastika Junaidah

binti Hussin, Tuan N. Marimuthu, Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Puan Kamilia binti Ibrahim yang telah membahaskan rang undang-undang yang telah saya bentangkan minggu lalu dengan penuh prihatin dan telah memberi banyak cadangan-cadangan dan pendapat-pendapat yang bernas untuk menolong kerajaan mengawasi dan juga untuk memastikan bahawa KWSP menguruskan dana yang pada masa ini disimpan oleh lebih kurang 7.6 juta pencarum yang berjumlah sebanyak RM103 ribu juta sehingga ke hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat di samping memberi pendapat dan juga cadangan-cadangan masing-masing telah juga bertanya beberapa soalan yang relevan, yang penting, yang akan saya cuba menjawab sesempurnanya dan sebelum itu ingin saya memberitahu Dewan ini secara ringkas mengenai dengan filasafah dana KWSP sepertimana yang Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim sebut tadi. Sepertimana yang telah kita maklum dan ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba minggu sudah, iaitu KWSP adalah satu dana pemegang amanah. KWSP bukan dana pelaburan. Ini mesti diingat. Ini adalah prinsip asas yang paling asas. Kita tidak boleh membandingkan dana KWSP dengan dana PNB atau ASB dan ASN kerana tiap-tiap orang yang menyimpan dan PNB sendiri tujuan dan niat penyimpanan dalam PNB dan ASB dan ASN adalah semata-mata untuk membuat sebanyak-banyak faedah, sebanyak-banyak untung ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, to maximise the income berasaskan kepada prinsip ekonomi kapitalisme.

KWSP merupakan satu badan amanah ataupun dana pemegang amanah dan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba ianya adalah pemegang amanah dan apabila Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ali kata tadi, KWSP sama dengan PNB - itu salah. Hanya 15% daripada RM103 ribu juta wang KWSP adalah merupakan macam PNB ataupun ASB. 15% daripada dana KWSP ini dibolehkan untuk melabur. Jadi, jikalau ianya RM103 ribu juta, maksudnya RM15 bilion sahaja yang boleh digunakan untuk dilabur. Jadi, jikalau kita hendak membahaskan mengenai dengan soal pelaburan, kita kena hadkan perbahasan kita kepada RM15 ribu juta sahaja. Bukan RM103 ribu juta.

Jadi, soal KWSP merupakan dana persaraan. Pada prinsip asas yang paling asas, ingin saya nyatakan bahawa dana persaraan iaitu RM103 ribu juta ditolak RM15 ribu juta, ini adalah dana persaraan termasuk RM15 ribu juta campur untung adalah dana persaraan dan dana persaraan adalah untuk memastikan sekuriti di hari tua. Pada falasafah asasnya, wang ini sepatutnya untuk memastikan sekuriti keselamatannya, ianya disimpan, jangan dikacau. Tetapi kalau disimpan dalam tabung, jangan dikacau, ini tidak kena pula dengan prinsip ekonomi. Kerana nilai wang RM1 hari ini mungkin dalam masa tiga tahun lagi ia tidak RM1, ia mungkin jadi 90 sen dibandingkan dengan nilai wang hari ini. Inilah prinsip yang dipanggil oleh ahli ekonomi "a discount rate". Jadi, daripada kita menyimpan tiap-tiap ringgit KWSP itu dalam peti, jangan kacau, kita tidak boleh tidak kena kacau juga Tuan Yang di-Pertua. Iaitu kita kena pastikan bahawa wang RM1 yang disimpan oleh sipencarum pada tahun ia bekerja akan menjadi sekurang-kurangnya RM1 apabila dia bersara - sekurang-kurangnya RM1.

Jikalau Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba yang saya pasti kelulusan ekonomi, konsep discount rate ini jikalau kita bubuh sekarang, pada masa akan datang RM1 itu tidak akan jadi RM1. Jadi, kita kira discount rate berapa. Kadang-kadang dalam perkiraan projek untuk memastikan internal rate of return, kita ambil 15%. Untuk keseluruhan, katalah 20 tahun projek itu berjalan. Di sini kerajaan telah mengambil 2.25% pada awalnya iaitu tiap-tiap wang yang disimpan itu akan ditambah nilai 2.5% untuk tiap-tiap tahun. Jadi, kalau 20 tahun sipencarum itu simpan, makna kata 2.5% kali 20. Jadi, maksudnya hampir 50% dia mendapatnya. Ini asas. Sebab itu dipastikan dalam Akta KWSP dipastikan bahawa 2.5% itu menjadi statutory interest rate. Itu adalah berasaskan kepada prinsip discount rate iaitu wang pada hari ini yang RM1 tidak akan menjadi RM1 pada masa depan kerana ianya akan menurun daripada nilainya. Tetapi dengan kita membubuh 2.5% pada tiap-tiap tahun, ianya pasti akan melebihi daripada RM1 pada hari ini. Pasti ia akan melebihi daripada RM1 pada 20 tahun selepas ataupun 25 tahun selepas wang ini disimpan iaitu masa wang ini diambil balik. Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua, ini dapat difahami pada asasnya iaitu prinsip asas yang paling asas.

Yang kedua, tiap-tiap 10% simpanan yang pencarum menyimpan ataupun tiap-tiap 11% simpanan dan sekarang tiap-tiap 12% simpanan yang ahli menyimpan, kerajaan menambah 13% iaitu lebih daripada 100%. Ini menjadikan satu sumber pendapatan yang banyak. Orang ramai tidak terlupa bahawa tiap-tiap 10%, 11%, 12% yang dulu dan sekarang ditambah oleh kerajaan, maksudnya pendapatannya kepada tiap-tiap simpanannya sudah lebih daripada 100%. Itu jangan lupa.

Saya ingin mengingatkan bahawa kita jangan menghadapkan wang simpanan KWSP itu merupakan keseluruhan wang simpanan tiap-tiap pekerja, kerana ia sekarang merupakan 12% sahaja. Pada hal dalam keadaan yang ideal

seseorang pekerja dia mesti menyimpan 30%, yang idealnya ataupun 34%-35% dan orang yang jimat kadang-kadang 50% dia biasa menyimpan. Jadi, kita mengharapkan keseluruhan 10% ditambah lagi 11% ataupun 12%. Kerajaan mengharapkan keseluruhan itu seolah-olah itu sahaja simpanan pekerja adalah tidak berapa tenat, Tuan Yang di-Pertua. Pekerja mungkin dia ada simpanan yang lain, KWSP dipotong, dia simpan dalam Tabung Haji, simpan dalam bank, simpan di tempat lain. Jadi, pada asasnya sebagai seorang pencarum yang ideal ataupun apa-apa kerja yang ideal, dia mesti menyimpan 30%, maksudnya ada lebih 20% lagi yang disimpan di lain tempat selain daripada KWSP.

Di samping saya menerima pandangan-pandangan Yang Berhormat, saya menekankan iaitu bahawa tiap-tiap pencarum dia masih lagi ada simpanan-simpanan yang lain, yang boleh digunakan. Jadi, kita jangan harap semua hendak buat di dalam wang KWSP kerana KWSP hanyalah untuk memastikan ia terus mendapat pendapatan selepas dia bersara ataupun selepas dia, dengan izin, 'incapacitated', tidak boleh bekerja dan dia meninggal dunia, dan didapati oleh pewaris-pewarisnya. Ini adalah asas yang ingin saya tekankan iaitu di dalam kita melabur atau memastikan bahawa wang KWSP mendapat sekurang-kurangnya 2.5% setahun. Kita labur yang pertama ialah kepada tempat pelaburan yang paling dab selamat iaitu bon kerajaan. Mana-mana kerajaan akan memastikan apa yang janji dibayar, paling selamat ialah bon kerajaan - itu

pasti kita dapat lebih daripada 2.5% kadang-kadang dapat 4%, kadang-kadang 3.5%. Manakala 15% yang lain itu kita main di pasaran, jangan pakai perkataan 'main' tersebut, tetapi kita labur di pasaran dan ingin saya tekankan di sini ia tertakluk kepada risiko-risiko yang tinggi.

Di sini, saya hendak tekankan risiko-risiko yang tinggi dan ingin saya nyatakan bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba - minta maaf, kadang-kadang saya setut tuan.....

Tuan Rahim bin Baba: Saya belum Datuk lagi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:Rahim bin Baba iaitu mengenai dengan tindak-tanduk KWSP. Ingin saya tekankan kerana banyak yang membangkitkan soal Perwaja.

Mengenai pemberian KWSP kepada Perwaja adalah pinjaman yang dijamin sepenuhnya, yang diberi sebelum peristiwa skandal Perwaja didedahkan - kita tidak tahu, tetapi jaminan kerajaan ada. Mengapa persoalkan dan mengapa pula digunakan KWSP? Oleh sebab KWSP selepas saya tadi, selain dari wang kerajaan dia mesti masuk dalam pasaran kewangan. Pasaran kewangan mana yang lebih baik, yang lebih selamat apabila ianya dijamin oleh kerajaan dan kerajaan pun meminta dari KWSP kerana pada masa itu mungkin ada masalah 'cash flow' di dalam kewangan kerajaan, jadi ini diambil dan

kerajaan menjaminnya. Apabila kerajaan menjamin, ianya selamat, jadi tidak perlu dipersoalkan lagi.

Mengenai KWSP digunakan di dalam perlaburan Bakun, ingin saya menafikan di sini iaitu tidak ada peranan KWSP di dalam pembinaan projek Bakun dan KWSP memberi pinjaman-pinjaman yang diminta.

Mengenai senarai yang diminta oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, tidak dapatlah saya beri pada hari ini, kerana ianya terlalu spesifik. Tetapi pinjaman-pinjaman yang diberi oleh KWSP kepada mega projek adalah pinjaman yang terjamin dan pulangannya adalah pulangan yang baik, melebihi 9% dan ini adalah satu pendapatan yang baik oleh KWSP. Misalannya KWSP memberi pinjaman kepada anak syarikatnya sendiri iaitu MBSB yang menjalankan projek perumahan kos rendah pada kadar 9.5%. Jadi, ini adalah pinjaman yang baik, yang dipastikan KWSP akan mendapat pendapatan melebihi 8%.

Ingin saya nyatakan juga oleh sebab perkara ini adalah perkara yang selalu dibangkitkan dan menarik perhatian public ialah mengenai dengan dividen. Sepertimana saya katakan tadi di dalam staturoty dividen yang patut diberi oleh KWSP ialah 2.5%. KWSP telah meberi dividen ini selama beberapa tahun, dekat 10 tahun daripada 1952, KWSP berjalan semuanya 2.5%, selepas itu pada awal tahun enam puluhan dia naik sampai 4%, 4.5% naik sehingga tahun 1980 - 8.5% turun pula kepada 8%, turun kepada 8% pada

tahun yang lalu, tidak ada siapa yang mempersoalkannya. Pada tahun sudah turun kepada 7.%, maka menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya nyatakan di samping kita menerima hakikat pelaburan yang menghadapi risiko-risiko ataupun turun-naik kewangan, atau turun naik pembalikan itu adalah perkara biasa. Kalau turun 7.5% adalah perkara biasa, untuk KWSP menjanjikan 8.5% keseleruhan sampai hari kiamat - itu menyalahi undang-undang Islam, Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Puan Kamalia nanti marah kepada saya pula kerana di dalam perundangan kewangan Islam, kita mengongsi berdasarkan 'Khablul Hassan', kita mengongsi keuntungan dan juga jangan lupa mengongsi kerugian. Jadi, sebagai orang Islam kita tidak patut mempersoalkan ini. Apa yang tinggi kita dapat mengongsikan, apabila turun belum lagi kerugian, kita sudah marah. Jadi, itu bertentangan dengan prinsip Islam, melainkan apabila kita berjanji 2.5% tertulis dalam akta, kita beri 1% - itu ada asas untuk dihentam KWSP habis-habisan. Jadi, apa yang KWSP buat sekarang, walaupun tidak dilabel Islam, dia membuat mengikut apa ygn digariskan oleh Islam iaitu turun -naik, masa 10 tahun 4% - 2.5% masyarakat tidak pernah bertanya kerana masyarakat mungkin faham bahawa ini adalah simpanan untuk hari tua. Jadi, itu yang saya hendak tekankan - insya-Allah.

Sekarang untuk menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apakah kerajaan melalui Kementerian Kewangan memastikan pelaburan-pelaburan ini dilaburkan di dalam sumber-sumber baik. Ingin saya

menyatakan bahawa KWSP sendiri mempunyai panel pelaburannya sendiri yang dianggotai oleh pakar-pakar kewangan dan juga ada “check and balancenya”, dengan izin, dibuat oleh Kementerian Kewangan melalui kuasa-kuasa yang kita minta di dalam pindaan ini supaya menteri boleh campurtangan di dalam hal ini dan memastikan di mana yang akan dilaburkan.

Mengenai pelaburan-pelaburan yang dibenarkan ahli-ahli membuatnya iaitu pelaburan ahli. tadi yang saya sebut 15,000 juta adalah KWSP sendiri, jadi hak ahli. Ahli dibenarkan melabur dalam akaun satu, iaitu akaun pesaraan dengan syarat bahawa akaun ini melebihi RM50,000 kurang daripada RM50,000 tidak boleh. Syarat yang kedua, dia hanya dibenarkan melabur 20% sahaja lebih daripada RM50,000.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin dan Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu membangkitkan hal ini mengapa wang yang kecil-kecil tidak diberi pelaburan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pelaburan adalah merangkum soal-soal risiko. Jadi, di sini masalah yang selalu menjadi perbincangan ialah mengapakah orang yang simpan kecil tidak boleh melabur? Persoalannya di sini apakah prioritasnya untuk hendak beri dia melaburkah ataupun untuk hendak memastikan dia mendapat wang persaraannya. Dalam prinsip ekonomi orang yang melabur hanya orang yang mempunyai kelebihan ataupun, dengan izin, surplus. Kalau dia tidak ada surplus kita suruh dia labur juga, kita mendedahkan dia kepada kemungkinan-kemungkinan menjadi lebih papa. Jadi, di sini macam Ungku Aziz kata, kita bercakap mengenai dengan penabungan, pelaburan mestilah ditujukan kepada orang yang mempunyai

surplus. Kita tidak boleh pergi bercakap kepada orang yang ‘kais pagi makan pagi’, dia mana ada surplus hendak dilabur?

Jadi, di sini kita terpaksa memilih yang melebihi 50,000 ke atas itu pun 20% sahaja daripada kelebihan itu. Kalau dia ada 100,000 maksudnya dia ada 50,000, dengan izin, over and above 50,000 yang pertama, dia hanya boleh melabur 10,000 sahaja daripada akaun nombor satu iaitu 60% perumahan. Jadi, ini, kita bukan hendak memperjudikan dia, tetapi kita memastikan bahawa dia ada peluang melabur dan pelaburannya itu pun akan ditunjuk oleh KWSP, dia tidak boleh melabur di mana ikut suka dia sahaja, macam hari ini saham naik, Yang Berhormat, saham naik, dia tidak boleh ambil dan labur ikut suka dia. Dia hanya boleh mengarahkan KWSP melaburkan dan KWSP akan melabur di tempat-tempat yang hanya ditunjuk oleh panel pelaburan KWSP tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalunya, kita memastikan bahawa pelaburan itu dilaburkan di dalam Unit Trust yang selamat kerana Unit Trust adalah dana-dana yang diuruskan oleh pengurus-pengurus dana dan ianya mengurangkan dari segi risiko dan inilah yang ditekankan

Tuan Rahim bin Baba: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Dato', Tuan Rahim berdiri.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang saya telah dapat menjangka jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri, memang itu agaknya jawabannya. Tetapi saya nampak ada sedikit percanggahan, mula-mula Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, pelaburan ini menghadapi risiko yang tinggi, memang kita akui, lepas itu di akhirnya Yang Berhormat kata, duit ini akan dilaburkan dalam dana-dana yang dijamin ataupun yang guarantee pulangnya, bukannya guarantee, maknanya dana-dana yang terjamin pulangnya.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya, perkara ini saya yang membuat cadangan, supaya kita tak payah sebut fasal pelaburan di dana-dana yang lain, untuk bumiputera kita masukkan dia dalam Amanah Saham Bumiputera, kerajaan telah menjamin 10% dan saya percaya tak akan berlaku sesuatu yang akan berlaku kerugian ataupun sebagainya, untuk bukan bumiputera tak lama lagi akan dilancarkan Amanah Saham Wawasan, kalau tidak silap saya, mungkin kerajaan pun akan jamin juga.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerana saya memikirkan kalau lebihan itu yang jadi, cuma duit yang banyak sahaja yang boleh melabur, maknanya pencarum-pencarum yang jumlahnya kecil tak dapat pulangnya, ianya dapat 2 1/2% ataupun 7% ataupun 8%, pada hal orang yang duitnya banyak dalam caruman mungkin akan dapat pulangan 10% ataupun 12%, jadi, itulah sebabnya saya ingin mencadangkan supaya diambil dari segi peratusan, bukannya above lebih daripada 50%, maknanya diambil dari segi katakan 20% daripada jumlah simpanan ataupun caruman yang terdapat di dalam sesuatu

tabungan itu, kerana tadi Yang Berhormat pun kata EPF ataupun KWSP akan melabur dalam amanah-amanah saham yang akan memastikan supaya ianya akan mendapat keuntungan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Silakan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperbetulkan sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba tadi, kerajaan tidak pernah menjamin 10% pulangan kepada ASB ataupun ASN. Tidak ada jaminan yang dibuat oleh kerajaan, kerana apabila ASN dan ASB dilancar dahulu, kerajaan tidak ada jaminan mengenai dengan perkara ini. Kalau kerajaan jamin, maka itu menjadikan ianya faedah, hanya yang kerajaan mengatakan ianya akan diuruskan dengan baik supaya dividennya melebihi 10% itu. Jadi, apabila dikatakan 'jamin' itu, ianya telah menjadi faedah, dia menjadi bunga. Dan saya tidak pernah mengatakan bahawa Amanah Saham adalah sesuatu yang mengguarantee pulangan yang tinggi. Yang saya katakan, Amanah Saham itu memastikan bahawa risiko-risiko dishare oleh ahli-ahli yang menyimpan di dalam Amanah Saham itu, apabila risiko itu dikongsi maka risiko kepada ahli-ahlinya adalah rendah. Jadi, itu yang saya ingin memperbetulkan.

Jadi, di sini, cadangan Yang Berhormat tadi oleh sebab prestasi Amanah Saham Nasional dan prestasi ASB adalah tinggi pada setakat inilah. Kita tidak menafikan bahawa mungkin satu hari ASB akan kurang, kita minta doa jangan

kuranglah, tetapi kemungkinan itu ada, kemungkinan runtuhnya sistem kewangan dunia yang tidak dapat kita tolak seperti runtuhnya sistem kewangan pasaran saham seluruh negara pada tahun 1987 dahulu. Dan apabila berlakunya resesi keseluruhan dunia seperti tahun 1931 kita tidak dapat menolak hakikat ini. Jadi, di sini kita tidak mahu takabur, cuma prestasi ASB dan ASN adalah tinggi, cadangan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba boleh diambil perhatian oleh KWSP yang mana untuk orang-orang Islam dan orang Melayu dan bumiputera dilaburkan di tempat ini. Jadi, kerana prestasinya tinggi dan kerajaan tidak pernah menjanjikan 10%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli iaitu soal penama. Jadi, soal penama ini saya akuilah ada banyak masalah yang timbul, yang mana apabila seseorang itu dia mula bekerja dia belum kahwin, dia menamakan ibunya, selepas ia berkahwin dia mempunyai isteri ataupun isteri-isteri, dia lupa hendak menamakan isteri ataupun isteri-isteri dan anaknya dan ibunya pun apabila dia bersara, ibunya telah meninggal dunia. Ini menjadi masalah yang sedang dihadapi oleh KWSP. Tetapi, untuk pencaharum-pencaharum Islam, saya fikir masalah ini dapat diminimumkan kerana di dalam Islam, apabila seseorang itu mati, walaupun haknya masuk di dalam kuasa dan di dalam kuasa ini digunakan Sistem Faraid. Walaupun dia mempunyai wasiat, 'will' jikalau seorang warisnya mempersoalkan wasiat itu mesti dimasukkan kepada Faraid juga. Jadi, saya

fikir masalah ini di kalangan orang Islam tidak timbul kerana anak-anak, isteri-isteri dan ibu-ibu pewaris yang lain ada hak menuntut. Jadi, apabila kalau dia meninggal segala hartanya dimasukkan di bawah kuasa 'Kuasa Faraid'.

Jadi, untuk orang-orang yang bukan Islam, yang mempunyai masalah ini dan sekarang ini KWSP saya diberitahu telah pun menjalankan kempen-kempen kepada ahli-ahli pencarum supaya mengemaskinikan penama-penama masing-masing, jadi, terletaklah kepada pencarum-pencarum, sekarang ini KWSP telah pun didedahkan kepada seluruh dunia maka pencarum-pencarum sendiri memastikan bahawa siapa yang hendak dinamakan sebagai pewaris wang itu khususnya kepada ahli-ahli pencarum yang bukan beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa persoalan yang dibangkit seterusnya oleh Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah mengenai dengan tanggungjawab sosial (social responsibility) KWSP dan juga Yang Berhormat Tuan Marimuthu mencadangkan supaya KWSP memberi peruntukan-peruntukan untuk membeli alat-alat rawatan seperti alat-alat physiotherapy, gimnasium dan mungkin mesin haemodialysis dan lain-lain lagi. Ini adalah cadangan yang baik dan akan diambil perhatian oleh pihak KWSP yang mana perkara-perkara ini timbul dalam keadaan tertentu dan akan dikaji oleh pihak KWSP.

Mengenai dengan khairat kematian juga, yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah, yang mana patut diberi perbelanjaan mati, saya fikir rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan yang tinggi boleh berbelanja kain kapan. Yang itu kalau hendak minta kepada KWSP, kerajaan terpaksa kaji dahulu tentang hal itu kerana kain kapan berapa ringgit sangat dan

keranda dibuat secara segera, ini komen saya, tetapi kita akan kaji pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang disebut oleh saudara saya Datuk Haji Ibrahim Ali - pendapat-pendapat diambil. Tiap-tiap pendapat Ahli-ahli Parlimen baik di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara diambil perhatian oleh pihak kerajaan dan akan ditapis, dikaji dan dilaksanakan jikalau ianya mempunyai viability, dengan izin, dan mempunyai kebolehan untuk dijalankan oleh pihak kerajaan.

Puan Kamalia membangkitkan hal penama dan falsafah - telahpun saya jawab. Tuan Haji Abdul Majid telah membangkitkan mengenai dengan pelaburan luar negeri, yang juga disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sebelum beliau. Ingin saya nyatakan bahawa KWSP setakat ini tidak melabur banyak di luar negeri, kurang daripada 1%, malah .0.00% dan hanya dilaburkan di Singapura dan di Thailand sahaja. Apa-apa tindakan untuk melabur di luar negeri adalah akan berasaskan kepada pulangan dan keselamatan pelaburan itu.

Jadi, jikalau di luar negeri yang mana pulangannya lebih baik, misalnya di Singapura atau di Thailand, apa salahnya kalau kita labur, asalkan kita pastikan bahawa keselamatan pelaburan itu diwujudkan dan juga pulangannya adalah pulangan yang baik seperti yang dilakukan di Singapura. Ingin saya nyatakan di sini, ini bukanlah dasar penting bagi KWSP untuk keluar melabur kerana yang penting, yang saya kata, sauh ataupun, dengan izin, anchor, KWSP

adalah kepastian wang yang disimpan oleh pencarum itu dapat diberi balik dengan pulangan tahunan yang baik dan memastikan mereka mendapat khidmat-khidmat sosial dan ekonomi yang dijanjikan oleh KWSP.

Puan Kamalia juga membangkitkan mengenai dengan mekanism untuk mengawal. Mekanism untuk mengawal telah wujud dalam akta KWSP dan kita minta dipinda untuk memperkemaskinikan pindaan yang saya bawa ini, adalah semata-mata untuk mengadaptasikan fungsi KWSP dengan keadaan sekarang, iaitu kita menambahkan wang yang boleh dilaburkan kepada 15%, kita membolehkan ahli-ahli (pencarum) melaburnya dan adaptasi ini pasti kita lakukan dan kira jadikan ianya perundangan untuk memastikan bahawa kementerian dan kerajaan dapat mengawalnya dengan baik. Mengenai dengan perkara majikan-majikan yang tidak melabur, ingin saya menyatakan kepada Puan Mastika Junaidah di mana Puan Mastika Junaidah juga mengatakan mungkin prospeknya masih lagi rendah dan menurun.

Sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, bahawa pada masa ini berpuluh ribu syarikat ditubuhkan di negara ini. Ada syarikat yang ditubuh pada bulan ini, tiga bulan yang akan datang dia tutup, ada juga syarikat yang orang Putih kata “fly by night” - pun ada, jadi, di dalam percambahan ekonomi yang berlaku sekarang, maka banyak syarikat-syarikat yang seperti ini. Bukanlah soal KWSP tidak mempunyai cukup kakitangannya, soalnya ialah disebabkan oleh keadaan begini yang mana KWSP dapat mengikutnya dengan

baik, dengan wujudnya komputer yang ada dalam KWSP pada masa ini, dapat kita ketahui dengan cepat. Misalnya di dalam Dewan Rakyat dahulu, apabila dua orang Ahli Dewan Rakyat mencabar antara satu sama lain, banyak mana awak simpan, dalam masa setengah jam saya sudah dapat tahu, yang ini simpan banyak mana dan yang ini simpan banyak mana - senang sahaja kita dapat mengetahuinya iaitu dengan wujudnya sistem komputer yang ada di dalam KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang berupa terlalu spesifik seperti senarai syarikat-syarikat, saya tidak dapat berilah pada hari ini. Pegawai saya yang ada di belakang pun mungkin dia tidak ada senarai itu dan kepada Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali, saya akan cuma memberinya nanti di dalam jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawab secara umum dan akhir sekali, satu lagi yang tidak dapat saya jawab ialah mengenai dengan apa yang Tuan Marimuthu bangkitkan tadi iaitu membanyakkan cawangan-cawangan. Sekarang kita telah membanyakkan cawangan-cawangan iaitu baru-baru ini kita telah membuka cawangan di Langkawi, di Labuan, di Kudat, di Lahad Datu, di Bintulu - iaitu kawasan-kawasan yang jauh daripada Kuala Lumpur agar KWSP dapat memberi khidmatnya yang lebih menyeluruh, malah KWSP sekarang ini mengadakan beberapa kempen sepertimana Yang Berhormat lihat di dalam TV - Harith Abdullah yang membaca penyata KWSP,

tetapi masih lagi belum lengkap. Jadi, inilah satu daripada cara kempen yang dibuat oleh KWSP.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya dan lagi sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 6 orang sahabat saya yang telah memberi pandangan yang bernas dan segala pandangan itu akan disemak dan akan di ambil perhatian di dalam perancangan dan juga pengurusan KWSP serta penyeliaan yang dibuat oleh kementerian untuk kepentingan bersama. Semoga dengan sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, KWSP akan menjadi suatu dana persaraan yang unggul di dunia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG AMANAH
LUAR PESISIR LABUAN 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengwujudan dan pengiktirafan Amanah Luar Pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Ding Seling: Baiklah.

Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, aktiviti amanah adalah merupakan salah satu aktiviti penting di pusat kewangan luar pesisir ataupun dengan izin, IOFC Labuan, di samping aktiviti perbankan dan insurans. Ia pada amnya merupakan satu perkhidmatan yang digunakan oleh pemilik-pemilik aset untuk melindungi aset mereka dan juga untuk membolehkan aset itu diuruskan dengan sebaiknya oleh pemegang-pemegang amanah bagi faedah pihak-pihak tertentu atau 'beneficiary' yang dinyatakan di dalam sesuatu suratcara amanah berkenaan.

Bagi Amanah Luar Pesisir Labuan, ia bertujuan untuk menarik pemilik aset bukan pemastautin untuk menggunakan perkhidmatan pemegang amanah yang berdaftar di IOFC Labuan untuk melindungi dan menguruskan aset mereka bagi faedah beneficiarynya. Dengan demikian, pengwujudan Amanah Luar Pesisir Labuan ini akan memberi faedah kepada syarikat-syarikat amanah yang ditubuhkan di IOFC Labuan.

Fasal 7 kepada Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan itu mentakrifkan Amanah Luar Pesisir sebagai suatu amanah yang dibuat oleh bukan pemastautin, yang melibatkan harta tidak alih di Malaysia. Beneficiary amanah itu hendaklah juga terdiri daripada bukan pemastautin sewaktu amanah itu dibuat, dan salah seorang daripada pemegang amanah itu hendaklah terdiri daripada syarikat amanah yang berdaftar di Labuan. Dengan demikian, rang undang-undang itu secara keseluruhannya menyediakan rangka perundangan mengenai aktiviti Amanah Luar Pesisir di IOFC Labuan bagi

menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat, termasuk pembuat amanah, beneficiary dan pemegang amanah. Ia pada amnya memperkatakan mengenai perkara-perkara berikut:-

- (i) prosedur bagi mewujudkan sesuatu amanah dan syarat-syarat sah sesuatu Amanah Luar Pesisir;
- (ii) perihal pembuat amanah;
- (iii) hak dan kepentingan beneficiary;
- (iv) kedudukan dan tanggungjawab pemegang amanah; dan
- (v) peranan Pendaftar Syarikat Amanah.

Sifat-sifat utama Amanah Luar Pesisir yang diperuntukkan dalam rang undang-undang undang-undang ini adalah seperti berikut:-

- (i) orang yang layak membuat amanah adalah terdiri daripada bukan pemastautin. Bagaimanapun, harta yang diamanahkan boleh termasuk harta tidak alih di Malaysia, sekiranya dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia;
- (ii) tempoh sesuatu amanah adalah 100 tahun, kecuali terdapat tempoh tertentu yang dinyatakan dan terma-terma amanah berkenaan. Ia boleh diperbaharui semula. Tempoh yang diamalkan di negara-negara lain adalah di antara 100 hingga 120 tahun;
- (iii) Amanah Luar Pesisir yang dibuat secara 'fraud' dengan tujuan untuk mengelakkan tuntutan pemiutang adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tuntutan pemiutang berkenaan;
- (iv) amanah yang melibatkan wang haram tidak dibenarkan dan pihak pemegang amanah dikehendaki melaporkan mengenai harta amanah yang disyaki diperolehi secara haram;
- (v) sesuatu amanah tidak dimestikan berdaftar dengan Pendaftar Amanah. Ini adalah untuk memberi kebebasan kepada pembuat amanah;

- (vi) penalti am tidak melebihi RM10,000 boleh dikenakan ke atas pihak-pihak yang melanggar peraturan akta, kecuali terdapat penalti khusus yang dinyatakan di bawah sesuatu seksyen tertentu;
- (vii) menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan di bawah akta dan mengecualikan mana-mana peruntukan akta kepada mana-mana pihak yang berkenaan. Ini adalah untuk memberi 'flexibility' jika didapati sesuai; dan
- (viii) sesuatu amanah adalah diberi perlindungan dari segi kerahsiaannya.

Tuan Yang di-Pertua, draf rang undang-undang itu mengandungi 62 seksyen yang dibahagikan kepada 5 bahagian. Antara perkara-perkara yang diperuntukkan dalam bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut;-

- (i) perkara-perkara umum mengenai Amanah Luar Pesisir seperti takrif-takrif dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam draf akta. Penjelasan mengenai bagaimana wujudnya sesuatu amanah, penjelasan mengenai amanah khairat dan penjelasan mengenai kepentingan seseorang 'beneficiary';
- (ii) pengwujudan dan pengiktirafan Amanah Luar Pesisir seperti kelayakan sesuatu Amanah Luar Pesisir, kedudukan Amanah Luar Pesisir yang dibuat dengan tujuan untuk mengelakkan tuntutan pemiutang ke atas pembuat amanah, peraturan-peraturan pendaftaran Amanah Luar Pesisir, tempoh Amanah Luar Pesisir, pengubahan dan pembatalan Amanah Luar Pesisir serta pemindahan Amanah Luar Pesisir daripada Labuan ke pusat luar pesisir yang lain;
- (iii) peruntukan mengenai beneficiary seperti kelayakan, penolakan tuntutan dan kepentingan beneficiary ke atas sesuatu Amanah Luar Pesisir;
- (iv) peruntukan-peruntukan mengenai pemegang amanah seperti prosedur perlantikan, prosedur mengenai penerimaan dan perletakan jawatan, kewajipan, kuasa-kuasa, prosedur mengenai perlantikan pelindung amanah dan perwakilan kuasa, prosidur mengenai pengumpulan dan peruntukan

harta amanah, kerahsiaan, liability dan kedudukan pemegang amanah yang meletak jawatan atau dipecat;

- (v) peruntukan-peruntukan mengenai Amanah Luar Pesisir seperti prosidur bagi mengubah terma amanah bagi pihak orang yang belum dewasa, kuasa-kuasa am mahkamah mengenai pentadbiran dan pelaksanaan amanah, perlindungan bagi orang-orang yang berurusan dengan pemegang amanah, had masa tindakan, penalti berkaitan dengan kesalahan di bawah akta, kuasa mendakwa dan mengkompaun oleh Pendaftar dengan kebenaran Pendakwa Raya serta kuasa menteri untuk membuat peraturan di bawah akta dan mengecualikan mana-mana peruntukan akta kepada mana-mana pihak. Bahagian ke-V rang undang-undang menyediakan peruntukan-peruntukan am mengenai Amanah Luar Pesisir. Cadangan pengwujudan akta ini adalah bagi memastikan aset-aset pemilik dapat dilindungi dan diuruskan dengan sebaik mungkin oleh pemegang-pemegang amanah bagi faedah beneficiary. Adakah ini sesuai dan mencukupi untuk memaju dan mengawal selia aktiviti amanah luar pesisir di IOFC Labuan?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah, Rang Undang-Undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pewujudan dan pengiktirafan Amanah Luar Pesisir bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, orang Labuan, Tuan Isli bin Siput.

5.21 ptg.

Tuan Isli bin Siput: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyokong sambil membahas satu Rang Undang-Undang Amanah Luar Pesisir Labuan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga yang mana kerajaan telahpun merangka satu Rang Undang-Undang Amanah Luar Pesisir Labuan yang sememangnya sudah tiba masanya yang mana Labuan telah pun di iktirafkan sebagai IOFC, maka perlulah satu rang undang-undang ini direka bentuk demi untuk menjamin masa depan dan juga supaya IOFC akan dapat berjalan lebih lancar di mata dunia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-Undang ini telah pun memberikan sesuatu liputan yang begitu kukuh yang mana dibacakan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi yang mana sudah cukup membayangkan yang mana pelabur-pelabur asing datang ke Labuan dan memberikan suatu jaminan agar mereka telah pun diberikan satu amanah yang amat sesuai dalam konteks IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, di Fasal 34(1) iaitu surat atau memorandum hasrat yang menyentuh bahawa pembuat sesuatu amanah boleh memberi pemegang amanah suatu surat mengenai hasratnya atau pemegang amanah boleh menyediakan satu memorandum mengenai hasrat-hasrat pembuat amanah itu berhubung dengan perjalanan apa-apa fungsi yang diberikan kepada pemegang amanah itu oleh terma-terma amanah itu sendiri. Surat ini bolehlah memberikan perubahan suatu amanah yang pada awal dan di saat ke akhirnya. Ini sudah pun menunjukkan bahawa pihak pelabur asing ataupun yang membuat suatu syarikat amanah akan bertanggungjawab sepenuhnya demi

menjamin harta ataupun satu aset yang dilabur ataupun fixed asset yang menjadi satu tanggungjawab kepada negara kita. Ini adalah membayangkan bahawa satu prestasi ke arah IOFC agar kita dapat memberikan satu keyakinan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam konteks IOFC di Labuan. Walaupun IOFC pada setakat ini, saya percaya bahawa pencapaian amatlah digalakkan dan juga syarikat-syarikat amanah yang mana berdaftar di Labuan dan juga bank-bank yang telah pun menunjukkan minat ke arah penubuhan bank di Labuan amatlah menggalakkan.

Walaupun bagaimanapun, saya merasakan suatu perubahan yang amat sangat di Labuan pada hari ini sejak Labuan dijadikan IOFC. Dari segi pembangunannya juga cukup menggalakkan pelabur-pelabur asing. Kemungkinan daripada segi infrastruktur masih lagi kita terdapat sedikit kekurangan. Tetapi walau bagaimanapun, dari masa kesemasa kita akan dapat menunjukkan suatu peningkatan yang amat sangat ketara kalau dibandingkan pada sebelum Labuan dijadikan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal lagi, iaitu saya ingin menyentuh di sini iaitu saya berpeluang untuk menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan hal tanah di Labuan iaitu ia ada dua jenis kategori tanah di Labuan. Yang pertama ialah CL (Country Lease) dan yang satu pula dinamakan NT (Native Title). Ini juga perlu kerajaan mencari satu solution untuk menjamin masa depan bumiputra yang mempunyai tanah iaitu bertaraf native title dan saya suka juga

memberikan satu cadangan supaya diamanahkan dengan perkataan “amanah” supaya ia diamanahkan kepada kerajaan agar tanah native title agar tanah orang-orang bumiputra tidak akan terhakis begitu sahaja dalam jangka masa 2020 nanti kerana saya melihat bahawa budaya yang telah pun dibawa oleh orang-orang tempatan mahupun daripada luar telah menunjukkan suatu perubahan yang begitu ketara sekali sehingga membimbangkan kita bahawa tanah yang ada pada hak bumiputra akan jatuh kepada bukan bumiputra iaitu orang asing dan dalam masa yang sama saya percaya bahawa kerajaan telah membuat penelitian, satu kajian yang terperinci berkenaan dengan tanah sebanyak mana balance, dengan izin, bakinya yang dimiliki oleh orang tempatan. Ini dalam jangka masa dua puluh tahun yang akan datang ataupun untuk mencapai Wawasan 2020 saya menaruh kebimbangan bahawa kita dapat melihat bangunan yang begitu indah, kita dapat melihat infrastruktur yang cukup dan canggih tetapi orang tempatan akan kehilangan harta.

Maka, saya mencadangkan di sini agar kerajaan harus diamanahkan untuk membangunkan tanah di tempat-tempat yang dipunyai oleh bumiputra agar menjadi satu fungsi di dalam LDA Holdings yang telah dimiliki oleh kerajaan kerana saya, pada masa ini begitu ketara sekali, begitu jelas sekali bahawa pelabur-pelabur tempatan, orang Malaysia yang bukan bermastautin di Labuan ataupun bukan penduduk di Labuan sungguh ghairah untuk membangunkan perumahan di Labuan dan saya telah difahamkan bahawa

kerajaan di bawah LDA pada hari ini telah pun mengambil kira bahawa sebanyak di antara 20,000 ataupun 30,000 unit rumah akan dibina.

Maka pada ketika itu, makin ramailah penduduk yang akan datang ke Labuan dan bermastautin di Labuan sehingga tidak dapat menimbangkan the economic di antara IOFC dengan retail business, dengan izin, tetapi yang menjadi masalah ialah yang ramai datang berpusu-pusu datang ke Labuan bukan membawa wang tetapi cuba untuk mencari wang daripada Labuan dan membawanya ke luar negeri. Inilah menjadi satu masalah yang patut diambil kira oleh pihak yang berkuasa dan juga pihak LDA pula harus memikirkan sesuatu yang mana tanggungjawab yang diamanahkan oleh kerajaan untuk tidak menyulitkan para pembangun-pembangun ataupun pengusaha-pengusaha kecil yang sama ada di Labuan mahupun dari Sabah ataupun dari Semenanjung. Kerana saya difahamkan ada sedikit sebanyak red tapes, dengan izin, yang menyulitkan perjalanan pembangunan di Labuan. Walau macam mana pun, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang saya pada hari ini sedikit sebanyak untuk membahas rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya juga ingin mencadangkan agar LDA yang di bawah pimpinan, yang dipengerusikan oleh Tun Daim amatlah mempunyai kesan yang begitu positif dan saya percaya

bahawa hasrat kerajaan untuk membangun Labuan tidak lagi dapat dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa sampai di sini sahaja ucapan saya. Maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan 1996. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Pihak menteri diminta untuk menjawab.

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat saya Tuan Isli Siput yang datang dari Labuan, yang seorang diri sahaja membahaskan akta pemegang amanah ini.

Ingin saya nyatakan mengenai dengan amanah ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Isli Siput iaitu mengenai dengan fasal 34 yang disebut oleh beliau yang menyatakan prosedur mewujudkan amanah ini yang mana tiap-tiap pembuat amanah ataupun dipanggil setlaw, akan menjalankan segala usaha untuk memindah milik kepada pemegang amanah. Iaitu apabila milik ini, misalannya kalau seseorang itu daripada Great Britain, ia hendak meminda miliknya 5,000 ekar ladangnya di Great Britain misalannya. Dia pindahkan keseluruhannya kepada pemegang amanah itu yang mungkin termasuk satu daripada 14 syarikat amanah yang telah didaftarkan di Labuan ataupun mana-mana syarikat-syarikat peguam. Jadi, apabila amanah itu

dilepaskan kepada pemegang amanah, maka amanah itu akan dipegang dan ianya terlepas daripada cukai, terlepas daripada tuntutan bankrapsi dan juga cukai estet. Dan di dalam fasal yang sama kita ada segala stipulasi mengenai masa, beneficiary dan cara-cara untuk melaburkannya dan ingin saya nyatakan di sini, dalam akta ini juga dibolehkan pemegang amanah melantik seorang protector ataupun penjaga ataupun dipanggil supervisor, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa segala amanah yang diamanahkan kepada pemegang amanah itu diikuti dan protector ini berhak menahan apa-apa tindakan oleh pemegang amanah ataupun berhak menghalang tindakan-tindakan yang dipegang oleh beneficiary.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat ingin bertanya bagaimana semuanya harta di luar Malaysia dipegang oleh orang luar Malaysia? Bagaimana kita dapat hasil? Satu ialah dari segi pelaburan ke dalam IOFC Labuan yang mana boleh kita gunakan sebagai pelaburan. Yang kedua, beneficiary ataupun yang mendapat hasil daripada amanah itu dicukaikan. Walaupun dia bukan pemastautin, dia kena bayar cukai. Pendapatan itu terus kepada kerajaan dan lain-lain lagi syarikat-syarikat yang menjalankan pemegangan amanah juga dicukai. Walaupun sedikit, kena juga cukai.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi akta ini kita pastikan bahawa yang ingin saya tekankan juga ialah kita tidak membenarkan harta-harta ataupun wang-wang haram ataupun wang-wang yang hendak dilaundrikan ataupun yang

hendak didobikan, dimasukkan ke dalam amanah ini. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat ingin tahu cara mana. Satu, kita tidak membenarkan kemasukan di dalam amanah ini tunai (cash). Kita tidak akan membenarkan penerimaan cash sebagai aset yang hendak diamanahkan. Kita menerima segala arahan-arahan kewangan yang mesti datang daripada institusi kewangan, bank-bank yang mempunyai nama, bank-bank yang kuat yang kita pasti ada etika-etikanya sendiri di dalam hal membasuh atau mencuci wang yang kotor.

Jadi, di sini kita menekankan bahawa pemegang amanah di Labuan tidaklah seperti pemegang-pemegang amanah di sebahagian tempat yang saya ingin nyatakan seperti di Cook Islands, di Seychelles yang menerima macam-macam wang.

Tuan Ding Seling: "Wang kotor" itu apa ertinya?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: "Wang kotor" itu macam wang mafia, wang yang didapati hasil daripada pelacuran, daripada perniagaan dadah, malah daripada perbuatan-perbuatan rasuah. Jadi, inilah yang dikatakan wang kotor. Jadi, ini kita tidak membenarkan dan kita ada mekanisme untuk mengatasi kemasukan wang seperti ini.

Kerana mungkin Ahli Yang Berhormat akan mengatakan orang tidak akan datang. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, orang yang hendak menyimpan amanah ini adalah orang yang betul-betul hendak menyimpan amanah dan dia datang daripada hasilnya sendiri dan dia memastikan bahawa amanah itu

diamanahkan untuk anak-anak cucunya dan diuruskan dengan baik dan inilah yang kita beri dan kita pastikan walaupun Labuan merupakan satu pusat luar pesisir, ianya merupakan satu pusat luar pesisir yang kita memastikan ianya pusat yang betul-betul menjalankan segala perniagaannya mengikut etika-etika yang tertentu, mengikut nilai-nilai universal di dalam kewangan yang baik.

Ahli Yang Berhormat Tuan Isli Siput juga membangkitkan masalah tanah di Labuan, masalah LDA. Ingin saya nyatakan di sini, sebelum ditubuh LOFSA yang mengambil alih segala fungsi-fungsi kewangan, perbankan, insurans, memang LDA melakukan segala fungsinya. Tetapi sekarang semuanya telah diambil alih oleh LOFSA. Maksudnya LDA hanya tinggal kepadanya hanya fungsi-fungsi untuk membangunkan Labuan secara fizikal. Di dalam Akta LDA wujud peruntukan-peruntukan untuk membangunkan mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput tadi, iaitu yang dicadangkan oleh beliau supaya harta-harta tanah bumiputera diamankan dan dipastikan ianya tidak terkeluar kepada tangan orang lain. Saya pasti pihak LDA akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat itu dan kita akan memberitahu kepada pihak LDA mengenai dengan cadangan baik yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai hakikat ini.

Kita tentu sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila berlaku ledakan pembangunan di Labuan begitu juga di Langkawi, kadang-kadang orang tempatan, oleh sebab ledakan itu terlalu cepat maka berlaku soal

ketinggalan. Ada yang tidak faham, dijual tanahnya dengan harga yang mahal, tetapi wang yang didapati itu tidak dilaburkan dengan baik, kerana gap di antara kefahaman dia mengenai dengan ekonomi semasa adalah tinggi.

Di sini saya cadangkan balik kepada Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput sebagai pemimpin Labuan cuba memastikan ianya tidak berlaku, yang mana kalau tanahnya dijual kepada orang-orang luar dengan harga yang tinggi, wang itu betul-betul dikepong dan dilaburkan dengan baik, bukan hanya untuk consumption, dengan izin. Selalu berlaku apa yang dipanggil ahli-ahli ekonomi sebagai consumption yang berlebihan iaitu 'consequence consumption' iaitu penggunaan perbelanjaan yang menunjuk-nunjuk. Kadang-kadang rumah kecil, tetapi di bawah rumah ada Mercedes 350 - ini 'consequence consumption' - ini berlaku di mana ahaja, di seluruh dunia, seperti di Amerika, di 'Apalacait', berlaku yang mana gobok buruk sahaja, tetapi peti sejuk atau refrigeratornya besar hendak simpan di dalam tidak muat, dia terpaksa simpan di beranda dan kereta 'Cadillac' menjalar. Jadi, inilah yang dipanggil 'consequence consumption' yang mana berlaku di kalangan masyarakat yang terlalu cepat mendapat kekayaan yang dia tidak tahu hendak membuat apa-apa.

Di sini kita harap pihak LDA cuba memastikan bahawa ini tidak berlaku di Labuan yang kita cintai. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput. Sekian.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958; Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966; Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia 1972; Akta Pengawalan

Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 dan Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966 untuk membubarkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia; Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia untuk menubuhkan Lembaga Getah Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri getah Malaysia dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Ding Seling: Baiklah.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia (LGM) adalah perlu untuk memenuhi kehendak semasa dan masa depan industri getah negara.

Buat masa kebelakangan ini ekonomi negara telah melalui perubahan struktur yang melibatkan juga sektor getah. Negara telah dan sedang berubah dari ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang berasaskan pembuatan dan perkhidmatan. Dalam pada itu sektor getah sendiri turut berubah di mana aktiviti hiliran sedang berkembang pesat dan meningkatkan sumbangan kepada nilai eksport negara. Sebaliknya agensi-agensi getah tidak berubah selaras dengan perkembangan ekonomi semasa.

Industri getah akan diberi pengertian yang lebih luas dan bersepadu atau integrated, dengan izin. Ia merangkumi segala aktiviti seperti pengeluaran, pemprosesan, pembuatan pengeluaran kayu 'hevea', eksploitasi keunggulan

R&D dan kepakaran dalam bidang getah serta aktiviti persisiran pantai (offshore) dan sebagainya. Oleh itu adalah perlu agensi-agensi getah di bawah Kementerian Perusahaan Utama yang ada sekarang disusun semula di bawah satu badan baru supaya industri getah pada keseluruhannya dapat berkembang dengan sokongan yang lebih teratur dan jitu.

Undang-undang ini akan menubuhkan Lembaga Getah Malaysia, memansuhkan lima akta dan membubarkan tiga agensi getah. Walau bagaimanapun beberapa peruntukan di dalam kelima-lima akta yang dimansuhkan itu yang masih diperlukan dan relevan untuk tujuan menggalakkan pembangunan getah keseluruhannya diubah suai dan dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang LGM atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya di mana berkenaan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dan Dewan yang mulia ini rang undang-undang ini dan penubuhan LGM memerlukan satu lagi akta iaitu Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 disemak 1989, dipinda untuk diselaraskan dan dibaca bersama-sama dengan Akta LGM. Rang undang-undang pindaan itu akan saya kemukakan kelak.

Penubuhan LGM akan menghapuskan pertindihan tugas yang sedang dijalankan oleh ketiga-tiga agensi yang sedia ada. Melalui LGM beberapa pembaharuan pentadbiran industri getah akan dibuat termasuk mengurangkan kawal seliaan, bilangan dan jenis lesen dan sebagainya. Usaha ke arah

meningkatkan daya saing industri getah akan dipergiatkan lagi menerusi pengawalan kualiti dan piawaian keluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, LGM perlu mempunyai peranan, fungsi dan kuasa tertentu bagi menentukan pembangunan industri getah yang berterusan melalui peningkatan daya dan kecekapan keseluruhannya.

Di antara fungsi penting LGM adalah untuk melaksanakan polisi-polisi dan program-program pembangunan bagi menentukan viability industri getah. LGM akan juga melaksanakan penyelidikan pengeluaran, pemakaian dan penggunaan getah. Pemasaran antarabangsa juga akan diberi tumpuan di samping mengawal selia pasaran getah tempatan. Ia mempunyai kuasa untuk menjalan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan dan kemajuan keluaran, pemakaian, penggunaan dan pemasaran getah dan produk getah dan perkhidmatannya serta pengawalseliaan industri getah. Selaras dengan itu juga, kuasa-kuasa sampingan lain diperuntukkan supaya perjalanan LGM menjadi lebih licin.

Penubuhan LGM ini juga akan dapat mengurangkan perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya dan mengurangkan peruntukan kewangan dari kerajaan. Bersesuaian dengan perkembangan ekonomi semasa, LGM akan menuju ke arah pembiayaan sendiri melalui kepelbagaian punca pendapatan. Pada masa yang sama, segala usaha diteruskan supaya kutipan ses dapat

dijalankan dengan lebih berkesan. Dengan yang demikian, jumlah bantuan pembiayaan dari kerajaan akan menurun dari tahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, LGM akan memberi tumpuan penyelidikan dan pembangunan yang lebih fokus dan sokongan R&D yang dinamis dalam bentuk penemuan dan inovasi teknologi, bimbingan dan khidmat nasihat bagi menjamin daya saingan industri getah Malaysia. Sumber R&D yang ada akan diperuntukkan mengikut keutamaan tertentu merangkumi aktiviti hulu dan hiliran industri getah termasuk juga kegiatan sampingannya.

Di sektor hulu, keutamaan akan diberi bagi menangani masalah kekurangan tenaga buruh, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti. Usaha juga akan turut ditumpukan ke arah meningkatkan sumbangan keluaran bukan getah seperti kayu hevea dan bio-teknologi.

Di sektor hiliran pula, keutamaan akan diberi bagi memenuhi bahan-bahan baru serta penggunaan baru getah dalam industri pembuatan. Aktiviti R&D bagi pengeluaran barangan berteknologi tinggi akan dipergiatkan. Pengkomersilan penemuan-penemuan baru oleh pihak industri akan digalakkan melalui pendekatan baru seperti contract research, syndicated research serta promosi gigih terhadap penemuan-penemuan penyelidikan. Dalam pada itu, R&D ke arah memelihara alam sekitar akan diteruskan. Di samping itu, LGM akan terus memberi khidmat sokongan dalam soal penilaian keluaran industri getah bagi menjamin mutu dan piawaiannya. Salah satu kunci bagi mencapai

produktiviti dan kecekapan di sektor pengeluaran terutamanya pekebun kecil ialah pemindahan teknologi. Buat masa ini, teknologi yang ditemui oleh badan penyelidik (RRIM) disampaikan kepada pekebun kecil melalui pelbagai agensi-agensi pelaksana dimasa akan datang usaha akan dibuat untuk meningkatkan keberkesanan pemindahan teknologi supaya dapat diterima pakai secara sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, LGM akan menentukan pemasaran getah menjadi lebih dinamik. Dasar pemasaran dan perkhidmatan getah telah diperluas merangkumi pelbagai aktiviti pengeluaran dan pemasaran di peringkat hulu dan hiliran. Selain dari mengekalkan strategi utama pemasaran getah yang memberi penekanan kepada soal dengan izin, competitive edge, melalui peningkatan usaha-usaha pengeluaran dan pemasaran getah yang berkualiti tinggi, satu dasar pengeluaran dan pemasaran getah yang bersepadu akan dilaksanakan. Kawalseliaan dan pengawasan akan dikurangkan, dengan izin, deregulate. Kebanyakan bentuk pengawasan dan kawalan serta perlindungan akan dikurangkan. Sungguhpun demikian, perniagaan dan pemasaran getah masih perlu diawasi untuk memastikan mutu getah negara kekal di tahap yang tinggi.

Untuk tujuan ini, industri getah akan terus dikawal selia tetapi di tahap yang minimum untuk mewujudkan satu pasaran getah yang terbuka, kukuh dan berdaya saing tinggi. Terdapat peruntukan penguatkuasaan seperti yang

berkaitan kuasa pegawai untuk menahan dan menangkap tanpa waran dan kuasa untuk menahan, menggeledah dan merampas kenderaan-kenderaan yang membawa getah akan dimansuhkan. Beberapa bentuk kawalan terutama garis-garis panduan ke atas pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran getah yang membendung dan membebankan akan dilonggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya saya ingin kemukakan ciri-ciri penting Rang Undang-undang Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996. Rang undang-undang ini terbahagi kepada sembilan bahagian dan mengandungi 75 Fasal seperti berikut.

Bahagian I mengandungi dua Fasal yang berkaitan dengan tajuk ringkas dan tafsiran istilah-istilah.

Bahagian II mengandungi lima belas Fasal mengenai penubuhan LGM sebagai satu perbadanan, objektif, fungsi-fungsi dan kuasanya serta perkara-perkara berkaitan dengannya.

Bahagian III mengandungi dua belas Fasal berkaitan dengan perlantikan Ketua Pengarah; Timbalan Ketua Pengarah; pegawai-pegawai dan pekhidmat serta urusan-urusan berkaitan.

Bahagian IV mengandungi empat Fasal berkaitan dengan penyelidikan dan kemajuan.

Bahagian V mengandungi tujuh Fasal mengenai peruntukan kewangan dan pengurusannya.

Bahagian VI mengandungi lima Fasal mengenai kuasa meminjam, melabur, mengambil ejen dan penasihat teknikal; memberi pinjaman dan penubuhan perbadanan.

Bahagian VII mengandungi sembilan Fasal mengenai penguatkuasaan dan kuasa-kuasa pegawai.

Bahagian VIII mengandungi sembilan Fasal mengenai perkara am berkaitan pengawalseliaan industri getah.

Bahagian IX mengandungi dua belas Fasal mengenai peruntukan pemansuhan, kecualian, peralihan, penerusan dan pencegahan anomali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan LGM beberapa faedah dan kebaikan boleh diperolehi. Rang undang-undang ini akan menghapuskan tiga agensi dan tiga lembaga pengarah. Ini membolehkan industri getah diuruskan tanpa pertindihan pentadbiran dan dengan lebih bersepadu merangkumi aktiviti hulu, hiliran dan perkhidmatan getah.

Penubuhan LGM juga dapat mengurangkan keperluan kakitangan serta perbelanjaan tahunan. Dari segi sosio-ekonomi pula penubuhan satu agensi membolehkan orang ramai memperoleh khidmat dengan lebih sempurna kerana ianya diberi oleh satu agensi yang bersepadu. Apa-apa perkhidmatan berkaitan dengan agensi ini akan tersedia di bawah satu bumbung. Dengan penubuhan LGM ini juga masalah kewangan yang sedang dialami oleh agensi-agensi getah sekarang akan dapat dikurangkan.

Akta ini membolehkan kutipan ses yang lebih sempurna dan luas dijalankan menyebabkan pertambahan pendapatan. LGM akan menggalakkan komersilisasi penubuhannya dengan lebih berkesan di samping memberi khidmat rundingan. Pengurusan harta yang lebih berkesan boleh memaksimumkan pendapatannya.

Rang undang-undang ini akan memastikan bahawa pembangunan industri getah negara dapat berjalan dengan lancar untuk memainkan peranan penting dalam ekonomi negara menjelang abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memansuh Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958, Akta Institiut Penyelidikan Getah Malaysia 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia 1972, Akta Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 dan Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966 untuk membubarkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Institiut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Institiut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia untuk menubuhkan Lembaga Getah Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan Industri Getah Malaysia dibacakan kali yang

kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Tuan N. Marimuthu. Silakan Yang Berhormat.

6.00 ptg.

Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk memberi sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang Ladang, Lembaga Getah, 1996. Sekiranya seseorang ingin mengetahui status ekonomi pekerja-pekerja ladang di Malaysia, seseorang itu hendaklah mengetahui sejarah sektor ladang di Malaysia. Sektor perladangan telah melampaui sejarah lebih 100 tahun dan begitu juga pekerja-pekerja ladang.

Peranan Kongres India Malaysia dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang, dengan izin, NUPW, sama penting untuk lebih memahami status pekerja-pekerja ladang. Getah mulai diperkenalkan di Malaya pada tahun 1887 oleh penjajah. Berdasarkan ini saya cuba menerangkan lebih banyak keadaan ladang-ladang di Malaya sebelum dan selepas perang Dunia Kedua. Pekerja-pekerja hari ini berbeza, mereka yang mengetahui hak mereka dan tahu untuk membela diri mereka. Terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja mereka.

Malaysia mesti mengucapkan terima kasih kepada penjajah British kerana memperkenalkan getah di Malaya. Ianya telah menjadi mercu jaya penting untuk pembangunan - dana bagi hasil aliran tunai. Hasil dari aliran tunai seperti getah, dan kemudian kelapa sawit sangat memberangsangkan

pekerja-pekerja ladang untuk bekerja keras tetapi penjajah tidak membaiki standard, dengan izin, tempat tinggal pekerja-pekerja ladang. Perkataan seperti kuli dan kongsi masih digunakan oleh majikan-majikan.

Merujuk kepada pekerja-pekerja ladang, keadaan tempat tinggal, sekolah dan dewan masyarakat sekarang sangat menyedihkan. Pekerja-pekerja ladang kebanyakan orang-orang India dan sedikit orang Melayu dan kemudian pekerja-pekerja keturunan Cina. Sektor perladangan sebilangan besar dimiliki oleh syarikat-syarikat asing seperti Guthrie, Sime Darby, Barlow-Boustead, United Plantation dan lain-lain. Jumlah ladang-ladang di Malaysia 2,524, industri pertanian era penjajah ialah banyak menggunakan tenaga buruh untuk mendapatkan banyak keuntungan. Agensi-agensi perladangan menggunakan tenaga buruh murahan dan memberikan gaji pekerja sangat rendah. Gaji mereka hanya secara harian. Dalam masa 30 tahun iaitu dari 1958 hingga 1996 pihak MAPA dan NUPW, dengan izin, National Union Plantation Workers, telah menandatangani perjanjian bagi penoreh-penoreh getah seperti berikut:

Tahun	Gaji Package	Harga Indeks Pengguna
1968	RM3.10	100
1872	RM3.20	103
1976	RM3.60	148
1979	RM4.30	168
1986	RM7.90	226
1990	RM8.75	251
1995-1996	RM10.40	303

Pada tahun 1954, untuk pertama kalinya pekerja-pekerja ladang dicarumkan ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai skim

persaraan dan selepas itu mereka dilindungi oleh PERKESO. Pekerja-pekerja ladang sangat menghargai kerajaan Malaysia. Pada tahun 1945, Akta Kerja (Undang-undang Buruh) telah diluluskan oleh Parlimen bagi memberi faedah minima kepada seluruh pekerja di negara ini.

Kerajaan Malaysia dengan kretivitinya telah membuat banyak rancangan untuk menggunakan masyarakat Malaysia, khasnya kaum bumiputera. Saya mengucapkan tahniah dan syabas. Rancangan Felda dan Felcra telah membangunkan masyarakat negara ini khasnya dengan memiliki harta tanah dan kebun sehingga semua negara membangun yang lain kagum dengan kerajaan Malaysia. Pada masa lampau ada mereka yang was-was dan sangsi dengan rancangan ini, tetapi kini mereka kagum dan mengucapkan syabas kepada kerajaan Malaysia. Bukan itu sahaja, kerajaan Malaysia juga telah memajukan pekebun-pekebun kecil getah yang banyak terdapat di negara kita. Pekebun kecil bangga dengan usaha kerajaan Malaysia namun begitu, lebih banyak, dengan research and development mesti dilakukan untuk menaikkan mutu getah setanding dengan getah sentetik atau getah tiruan.

Di kalangan negara pengeluar getah dunia kita pernah jadi nombor satu, tetapi sekarang turun tangga nombor 3. Getah asli masih diperlukan dengan banyak maka produktivitiya harus ditingkatkan. Setelah 100 tahun penanaman dan pengeluaran getah, sejarah silam harus direnung kembali. National Union Plantation Workers, dengan izin, adalah pertubuhan pekerja ladang yang paling

kuat pada satu masa dahulu. NUPW telah menunaikan peranan yang penting dalam pertubuhan buruh sedunia (ILO). Datuk P.P. Narayanan adalah presiden NUPW di Malaysia dan beliau telah menjadi Setiausaha ILO sebelum ini. Dengan adanya beliau, bekas Presiden MIC, mendiang Tan Sri Manickavasagam, Menteri Buruh dan Tenaga Malaysia telah menjadi President ILO Sedunia. Ini adalah hasil dari pekerja-pekerja ladang di Malaysia. Presiden NUPW dahulu, mendiang S.P.S. Nathan juga pernah menjadi Ahli Dewan Negara, Dewan yang mulia ini.

Penubuhan Lembaga Getah Malaysia Perbadanan salah satu tindakan betul dan dipuji untuk mencapai Wawasan 2020. Salah satu fungsi lembaga tersebut di atas ialah untuk merancang dan melaksanakan latihan sumber manusia untuk keperluan perindustrian getah. Kerja berladang ialah tenaga kurang mahir. Oleh itu, mereka menerima gaji yang rendah. Diharap melalui Lembaga Getah Malaysia Perbadanan 1996, melalui rancangan-rancangan yang tertentu pekerja ladang boleh mendapat latihan yang mencukupi supaya mereka boleh mendapat gaji yang tinggi seperti industri-industri lain.

Akhirnya, saya sokong penuh Lembaga Getah Perbadanan 1996. Sekianlah sahaja.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, sila.

6.11 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan mengenai Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia yang telah dibentangkan sekejap tadi. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan syabas kepada kerajaan, khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya graduate Kementerian Perusahaan Utama. Oleh kerana telah membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia setelah Malaysia banyak menubuhkan dan melihat kemajuan lembaga-lembaga lain, sama ada di bawah Kementerian Perusahaan Utama ataupun kementerian-kementerian lain, misalnya Lembaga Perikanan, Lembaga Pemasaran di bawah Kementerian Perusahaan Utama, Lembaga Koko, Lembaga Lada Hitam, yang kecil-kecil pun telah

dilembagakan dan telah melihat keberkesanan bila sesuatu perusahaan ataupun sesuatu produk yang dilembagakan, keberkesanan dari segi pelaksanaan memang jelas dan nyata.

Jadi, saya turut merasa terkilan kerana kalau kita melihat yang kecil-kecil pun telah lama dilembagakan, sedangkan getah merupakan satu pengeluaran utama negara Malaysia yang mempunyai sejarah tertentu, termasuklah sejarah saudara-saudara kita ke Malaysia, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Malaysia - saudara-saudaralah, bukan seperti Yang Berhormat, kalau kita melihat di ladang-ladang, di estet-estet, di kawasan-kawasan saya pun ada, RELA estet, bermakna getah itu mempunyai sejarah tersendiri yang merupakan satu kenangan manis, bahkan menjadi sejarah kepada pembentukan negara kita.

Jadi, saya dalam kesempatan ini ingin mendapat penjelasan sekadar untuk kepuasaan dan penerangan kenapa baru getah ini hendak dilembagakan setelah sekian lama, walaupun sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun membuat penjelasan demi mengikuti perkembangan zaman dalam menuju matlamat Wawasan 2020 yang mana segalanya perlu canggih dan baik. Walau bagaimanapun, saya perlu mendapat penjelasan yang jelas kenapa baru hendak dilembagakan setelah sekian lama, apakah akta-akta yang ada selama ini bercanggah dan tidak dapat diselaraskan sehingga Lembaga Getah Malaysia perlu diwujudkan melalui akta yang insya-Allah, akan diluluskan di dalam Dewan ini sekejap lagi?

Tuan Yang di-Pertua, setelah Akta Lembaga Getah Malaysia diluluskan dan dilembagakan, maka ia akan wujudlah sebagai satu badan serta lembaga yang kuat, keberkesanan dari segi pentadbiran, pengurusan dipermudahkan soal kewangan dan sebagainya, sebagaimana lembaga-lembaga lain yang telah wujud, maka saya rasa gunalah kesempatan Lembaga Getah Malaysia yang akan terwujud ini untuk memastikan soal pembelaan kepada masyarakat penanam getah secara lebih efektif, secara lebih berkesan. Kerana seperti saya katakan tadi, bila kita sebut getah, ianya ada sejarahnya tersendiri, termasuklah sejarah kemajuan negara, sejarah pembentukan masyarakat negara, bahkan sejarah kemajuan orang Melayu sendiri yang majoritinya berasal daripada luar bandar yang merupakan anak penoreh getah, yang mungkin mereka setengah telah menjadi menteri, telah menjadi pegawai tinggi kerajaan, pegawai di semua peringkat dan sebagainya yang berasal daripada keluarga penanam getah.

Maka melalui Lembaga Getah Malaysia ini diharapkan usaha untuk memastikan mereka yang masih terlibat dengan industri getah ini, sama ada di peringkat awal, peringkat pertama, peringkat kedua, peringkat ketiga pemerosesan dan sebagainya adalah dipermudahkan untuk pembelaan yang lebih baik. Di samping itu, saya ingin mencadangkan supaya soal kebajikan yang akan dibuat ataupun mungkin akan dilaksanakan oleh Lembaga Getah Malaysia kepada anak-anak penanam getah ataupun penoreh getah, pekebun-pekebun kecil perlu diwujudkan. Soal biasiswa kepada anak-anak mereka yang terlibat dengan industri getah ini perlu dikursuskan memandangkan bahawa kita boleh merubah nasib mereka melalui pelajaran, melalui pendidikan dengan adanya biasiswa kepada mereka, di samping biasiswa-biasiswa ataupun kemudahan-kemudahan kewangan lain kepada mereka selaku rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soal industri getah adalah satu soal yang penting dan memanglah saya selaku mewakili masyarakat luar bandar yang banyak terlibat dengan penanam, penoreh, pekebun getah, ladang getah, estet getah di Kerela yang sebahagian besarnya saudara-saudara daripada MIC, masyarakat India yang keseluruhannya mereka ini adalah penyokong setia kepada kerajaan, khususnya Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan. Mereka ini mengharapkan pembelaan yang lebih jelas. Saya mengharapkan Lembaga Getah Malaysia, setelah ianya menjadi lembaga, akan memastikan soal pembelaan yang lebih jelas kepada masyarakat di dalam kumpulan industri getah ini menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah kesempatan untuk saya turut menyatakan rasa sukacita bagi pihak mereka di dalam industri getah ini, dengan terwujudnya Lembaga Getah Malaysia, kerana kita yakin dengan wujudnya Lembaga Getah Malaysia ini, segala-galanya akan lebih baik, segalanya akan lebih berkesan untuk memastikan pembelaan kepada mereka yang terlibat. Sekian, saya pohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

6.19 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bersalah kalaulah saya tidak memberikan pandangan mengenai akta Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia Perbadanan 1996 ini. Kerana apabila saya membaca akta ini, saya membawa balik diri saya ke zaman

tahun 1960-an, sepertimana telah pun dikatakan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat sebelum ini, memang tidak dapat dinafikan bahawa getah telah pun memainkan peranan, telah pun mempunyai banyak jasa kepada negara, pada individu-individu tertentu, dan juga pada diri saya sendiri, kerana sendiri pun berasal keluarga sebagai penoreh getah, sebab itulah saya katakan tadi.

Saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak turut sama untuk memberikan pandangan saya kepada penubuhan lembaga ini. Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya rasa sentimental dan juga emosional sedikit apabila membincangkan Rang Undang-Undang ini tetapi saya rasa di bawah Rang Undang-Undang ini nampaknya lima akta akan dihapuskan, tiga agensi kerajaan juga akan dimansuhkan.

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah akan terjadi kepada kakitangan-kakitangan ketiga-tiga agensi kerajaan ini kerana dalam ucapan tadi tidak dinyatakan kedudukan ketiga-tiga agensi yang telah pun dinyatakan dan saya percaya tiga ataupun empat agensi yang saya nyatakan ini mempunyai kakitangan yang sebegitu ramai, mempunyai ketua-ketua pengarah masing-masing, mempunyai struktur ataupun organisasi masing-masing, jadi di manakah kakitangan-kakitangan ini akan diletakkan ataupun apakah ianya akan diserapkan kesemuanya kepada lembaga ini ataupun mereka ini akan diberhentikan ataupun diberhentikan ataupun diretrench ataupun sebagainya. Jadi, saya berharap untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kedudukan kakitangan ketiga-tiga agensi yang akan dimansuhkan apabila dengan

tertubuhnya lembaga yang baru ini. Tentulah, saya percaya ketiga-tiga agensi ini mempunyai tiga ketua pengarah, tiga timbalan ketua pengarah di mana hendak diletakkan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di bawah Fasal 35(B), tujuan lembaga ini ditubuhkan ialah untuk membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan juga kemajuan industri getah dan kewangan akan disediakan untuk mengadakan R&D (Research & Development) daripada industri ini. Memang kita tidak dapat nafikan betapa pentingnya R&D ataupun peruntukan yang lebih diberikan oleh pihak kerajaan terhadap industri getah ini walaupun ada pihak-pihak yang menganggap bahawa industri getah telah pun sampai ke penghujung tetapi kepada saya, saya percaya untuk jangka masa yang terdekat ini kita masih lagi memerlukan penyelidikan-penyelidikan dijalankan oleh pihak lembaga ini.

Saya berharap lebih banyak lagi kewangan akan digunakan untuk penyelidikan-penyelidikan, untuk mengeluarkan bahan-bahan iliran untuk industri getah ini. Kita tubuhkan satu pusat ataupun kita berikan satu fund yang tertentu untuk saintis-saintis kita membuat penyelidikan-penyelidikan. Baru-baru ini saya baru balik daripada Canada, saya lihat di Canada itu ada kumpulan-kumpulan saintis yang dibayar khas oleh kerajaan, diberikan peruntukan 500,000 ataupun 300,000 khas untuk membuat penyelidikan-penyelidikan secara persendirian dan saya percaya kalau lembaga ini boleh menubuhkan bentuk-bentuk penyelidikan yang lain dan apabila telah pun

berjaya di dalam penyelidikan itu, bahan-bahan ataupun kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh penyelidik-penyelidik tadi boleh dipasarkan dan apabila mereka itu mendapat wang boleh membayar balik kepada fund ataupun kewangan yang telah pun didahulukan oleh pihak-pihak kerajaan ataupun oleh lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan keadaan tenaga kerja, memang tidak dapat kita nafikan bahawa tenaga kerja di sektor getah adalah satu yang tambah berkurangan. Tadi, Yang Berhormat Tuan Marimuthu kata pekerja-pekerja kurang mahir tetapi pada saya pekerja-pekerja sebagai penoreh getah bukanlah satu jawatan ataupun kerja yang dianggap sebagai pekerja kurang mahir. Ianya memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu untuk menjadi seorang penoreh getah yang baik dan saya berharap latihan-latihan akan dijalankan oleh pihak kerajaan. Banyak lagi galakan-galakan diberikan kepada sektor pekebun-pekebun kecil umpamanya supaya lebih ramai lagi belia-belia kita berminat di dalam sektor penorehan dan juga penanaman getah ini dan saya berharap juga supaya peruntukan yang lebih untuk melatih pekerja untuk menjadi penoreh-penoreh getah ini akan diberikan dan juga galakan-galakan.

Saya menimbulkan ini kerana saya lihat sektor-sektor lain ada subsidi-subsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan. Kita mesti melihat sumbangan penoreh-penoreh getah ini dari segi memberikan kadar tukaran luar negeri (foreign exchange) yang telah pun disumbangkan oleh penoreh-penoreh getah

ini dan kerajaan bukan sahaja bergantung menggunakan wang cess collection ataupun duit ses yang dikutip oleh pihak kerajaan apabila seseorang itu menjual getah tetapi juga hendaklah memikirkan bentuk-bentuk bantuan yang lain, subsidi-subsidi ataupun peruntukan-peruntukan lain yang boleh difikirkan untuk diberikan kepada mereka yang terlibat di dalam industri getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada lagi rakan saya hendak bercakap mengenai perkara ini, jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan juga menyokong Rang Undang-Undang ini. Sekian, silakan Dato' Aziz.

Tuan Ding Seling: Terima kasih Tuan Rahim kerana "ambil alih". Silakan Datuk.

6.27 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan pandangan tentang Rang Undang-Undang Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Terlebih dahulu saya ingin hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana telah pun berjumpa masa dan ketikanya untuk menyelaraskan badan-badan yang saya bilang sebentar tadi, yang akta sahaja melibatkan 5, 6 termasuk badan-badan meningkat sampai 9. Secara totalnya sampai 9 kaitan dengan akta-akta lain dan juga badan-badan yang lain. Jadi,

kita mengharapkan dengan wujudnya satu badan sahaja iaitu Lembaga Getah Malaysia, kegiatan-kegiatan dalam industri getah ini dapat dipertingkatkan lagi kerana saya berlainan sedikit dari segi pendapat dengan saudara saya Yang Berhormat Tuan Rahim kerana saya dapati dalam kita membangunkan ekonomi negara kita dapati secara automatik sektor pertanian terutama sekali getah agak ketinggalan sedikit dari segi sumbangannya kepada pembangunan ekonomi negara. Dan ini semestinyalah kerana rata-rata sejarah pembangunan ekonomi di dunia kita dapat lihat bagaimana sumbangan sektor perkhidmatan dan juga sektor pembuatan meningkat lebih pesat dan lebih tinggi kalau dibandingkan dengan sektor pertanian dan kita dapati juga dari segi getah di negara kita ini saya perhatikan dari segi penyelidikan dan pembangunannya, tidak tahulah sama ada ia masih lagi berpusat di “Kew Garden” ataupun di England.....

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Dato’, boleh sambung esok. Minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

